



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PAHANG

SIRI 2



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PAHANG**

SIRI 2

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN
3	Pengurusan Perumahan Rakyat Disewa Kampung Pak Mahat
	MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN MAJLIS DAERAH JERANTUT MAJLIS DAERAH MARAN MAJLIS DAERAH LIPIS
14	Pengurusan Perolehan
	IKIP EDUCATION SDN. BHD.
31	IKIP Training Sdn. Bhd.
51	PENUTUP




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Auditi terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Jabatan, 4 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 6 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2014 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya

5 Mei 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

- Pengurusan Perumahan Rakyat Disewa Kampung Pak Mahat

1.1. Perumahan Rakyat Disewa (PRS) Kampung Pak Mahat Kuantan mula dibina pada tahun 2002 dengan kos pembinaan berjumlah RM49.27 juta dibiayai oleh Yayasan Pembangunan Untuk Termiskin (YPUT). PRS Kampung Pak Mahat mengandungi 2 blok bangunan rumah pangsa 9 tingkat yang mempunyai 832 unit rumah atau 416 unit bagi setiap blok. Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (SUK) adalah pihak yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan pembinaan PRS Pak Mahat dan kemudiannya diserahkan pengurusannya kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK). Objektif pembinaan rumah pangsa ini pada awalnya adalah sebagai penempatan golongan miskin bandar. Namun selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengalihkan setinggan yang mendiami tanah-tanah kerajaan yang akan dibangunkan, mulai tahun 2013 PRS Pak Mahat ini dibuka untuk penempatan setinggan yang dipindahkan disekitar bandar Kuantan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2014 hingga Februari 2015 mendapati pengurusan PRS Kampung Pak Mahat adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Kerja mekanikal dan elektrik serta pembaikan semula melibatkan kos tambahan RM7.60 juta.
- Proses pengisian penyewa PRS Kampung Pak Mahat mengambil masa yang lama.
- Pengurusan pembersihan di PRS Kampung Pak Mahat kurang memuaskan.
- 47% penghuni di PRS Kampung Pak Mahat mempunyai sewa tertunggak.
- Sebahagian komponen yang disediakan di projek PRS Kampung Pak Mahat tidak digunakan.

1.3. Bagi memastikan pengurusan perumahan rakyat diurus dengan cekap dan teratur serta manfaatnya dirasai oleh golongan sasar, adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan berikut:

1.3.1. Bahagian Perumahan SUK mempercepatkan proses pemindahan setinggan dan pemilihan penyewa supaya rumah dapat dihuni segera bagi mengurangkan kos pembaikan akibat kerosakan dan vandalisme.

1.3.2. Bahagian Pengurusan PRS Kampung Pak Mahat hendaklah memberi keutamaan terhadap aspek kebersihan dan penggunaan kemudahan yang disediakan.

**2. MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN
MAJLIS DAERAH JERANTUT
MAJLIS DAERAH MARAN
MAJLIS DAERAH LIPIS
- Pengurusan Perolehan**

2.1. Tatacara perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan adalah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Majlis Daerah Jerantut (MDJ), Majlis Daerah Maran (MDM) dan Majlis Daerah Lipis (MDL) telah melaksanakan perolehan kerja yang dibuat sama ada secara tender, sebut harga dan lantikan terus. Kos perbelanjaan yang terlibat sepanjang tempoh tersebut berjumlah RM288.94 juta. Bagi tempoh tersebut sebanyak 51 perolehan kerja berjumlah RM88.98 juta telah dilaksanakan melalui tender, manakala sebanyak 1,166 perolehan kerja yang berjumlah RM176.48 juta dibuat melalui sebut harga dan sebanyak 918 perolehan kerja lagi dibuat melalui lantikan terus yang berjumlah RM23.48 juta.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2014 hingga Mac 2015 mendapati secara keseluruhan pengurusan perolehan di MPK adalah memuaskan manakala pengurusan di MDJ, MDM dan MDL adalah kurang memuaskan. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender, Penilaian Sebut Harga serta Jawatankuasa Sebut Harga/Tender telah diwujudkan di MPK dan MDM. MPK juga telah mengenakan Denda Lewat atau *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) kepada kontraktor yang gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, sistem penyimpanan rekod dan dokumentasi berkaitan perolehan adalah teratur dan kemas kini di MPK dan MDM. Bagaimanapun, didapati wujud beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Kelulusan sebut harga tidak dibuat oleh 3 Ahli Jawatankuasa Sebut Harga di MDJ.
- Penilaian sebut harga dinilai oleh seorang pegawai sahaja di MDM dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak ditubuhkan di MDL.
- Permohonan Tempoh Lanjutan Masa dibuat selepas tarikh kerja patut siap di MPK dan MDJ.
- Denda Lewat atau *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) tidak dikenakan dan perolehan kerja dipecahkecilkan di MDJ.
- Projek pembangunan di kawasan Jerantut Feri, Jerantut tidak memuaskan.
- Kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi dan kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan di MDM dan MDL.
- Ruang niaga atau bangunan tidak diguna dan disenggarakan di MDM.

2.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan Majlis dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mendapat *value for money*, adalah disyorkan Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Maran dan Majlis Daerah Lipis mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.3.1. Memastikan proses perolehan sentiasa dibuat dengan teratur dan mematuhi prinsip perolehan kerajaan.

2.3.2. Memastikan tempoh lanjutan masa yang diluluskan adalah munasabah dengan alasan yang diberikan oleh kontraktor supaya tempoh penyiapan projek dipatuhi.

3. IKIP EDUCATION SDN. BHD.

- IKIP Training Sdn. Bhd.

3.1. IKIP Training Sdn. Bhd. (IKIP Training) ditubuhkan dan memulakan operasinya pada tahun 1998. IKIP Training merupakan syarikat subsidiari milik penuh IKIP Education Sdn. Bhd. (IKIP Education) dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM2 juta. IKIP Education pula merupakan syarikat milik penuh Yayasan Pahang (Yayasan). Objektif penubuhan IKIP Training adalah menjalankan perniagaan dalam bidang pendidikan serta menyediakan pusat kemahiran, tenaga pengajar dan kemudahan kepada pelatih. Sehubungan itu, IKIP Training menubuhkan IKIP Advanced Skills Centre (IASC) yang menawarkan pelbagai kursus peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) berdasarkan keperluan industri di bawah persijilan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Selari dengan itu, IASC telah menetapkan misi untuk muncul sebagai Institusi Latihan Kemahiran Profesional berintegrasikan perniagaan seiring dengan teknologi dan pasaran industri serta memenuhi tanggungjawab sosial kepada komuniti.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2014 hingga Mac 2015 mendapati prestasi kewangan IKIP Training tidak memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2011 dan 2012 serta kerugian terkumpul yang tinggi iaitu RM8.42 juta pada tahun 2013. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat pula adalah memuaskan dengan pengambilan pelatih melebihi 85% daripada sasaran dan kebolehpasaran pelatih selepas pengajian mencapai 74.2% daripada sasaran. Namun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Program yang belum mendapat pentauliahan telah diiklankan.
- Pengurusan aset di Kampus Cawangan kurang memuaskan.

3.3. Bagi meningkatkan prestasi IKIP Training, adalah disyorkan tindakan berikut diambil:

3.3.1. Memastikan setiap program latihan yang ditawarkan telah mendapat pentauliahan supaya dapat menarik lebih ramai penyertaan pelatih.

3.3.2. Memperkembangkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Syarikat dan Kerajaan.



**AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

1. PENGURUSAN PERUMAHAN RAKYAT DISEWA KAMPUNG PAK MAHAT

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Perumahan Rakyat Disewa (PRS) Kampung Pak Mahat Kuantan mula dibina pada tahun 2002 dengan kos pembinaan berjumlah RM49.27 juta dibiayai oleh Yayasan Pembangunan Untuk Termiskin (YPUT). PRS Kampung Pak Mahat mengandungi 2 blok bangunan rumah pangsa 9 tingkat yang mempunyai 832 unit rumah atau 416 unit bagi setiap blok. Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (SUK) adalah pihak yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan pembinaan PRS Pak Mahat dan kemudiannya diserahkan pengurusannya kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

1.1.2. Objektif pembinaan rumah pangsa ini pada awalnya adalah sebagai penempatan golongan miskin bandar. Namun selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengalihkan setinggan yang mendiami tanah-tanah kerajaan yang akan dibangunkan, mulai tahun 2013 PRS Pak Mahat ini dibuka untuk penempatan setinggan yang dipindahkan disekitar bandar Kuantan.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan terhadap Perumahan Rakyat Disewa (PRS) Kampung Pak Mahat oleh Bahagian Perumahan SUK dan Majlis Perbandaran Kuantan telah diurus dengan cekap, teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan terhadap Perumahan Rakyat Disewa (PRS) Kampung Pak Mahat meliputi aspek tujuan pembinaan, pembaikan, penyenggaraan, penyewaan, kekosongan dan aspek lain yang berkaitan. Pengauditan dijalankan di Bahagian Perumahan SUK dan Pejabat Pengurusan PRS Kampung Pak Mahat dengan menyemak dokumen, mengkaji dan menganalisis data yang terlibat berkaitan pengurusan PRS Kampung Pak Mahat bagi tempoh 2012 hingga 2014 serta tahun-tahun sebelumnya di mana perlu. Selain itu, lawatan ke PRS Kampung Pak Mahat, temu bual dengan pegawai dan penyewa juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama Setiausaha Bahagian, Bahagian Perumahan SUK, Ketua Bahagian Pengurusan PRS Pak Mahat dan Ketua Audit Dalam SUK serta pegawai-pegawai berkaitan telah diadakan pada 3 April 2015.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2014 hingga Februari 2015 mendapati pengurusan PRS Kampung Pak Mahat adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Kerja mekanikal dan elektrik serta pembaikan semula melibatkan kos tambahan RM7.60 juta.
- Proses pengisian penyewa PRS Kampung Pak Mahat mengambil masa yang lama.
- Pengurusan pembersihan di PRS Kampung Pak Mahat kurang memuaskan.
- 47% penghuni di PRS Kampung Pak Mahat mempunyai sewa tertunggak.
- Sebahagian komponen yang disediakan di projek PRS Kampung Pak Mahat tidak digunakan.

1.4.1. Kerja – Kerja Mekanikal Dan Elektrik Serta Pembaikan Semula Melibatkan Kos Tambahan RM7.60 Juta

1.4.1.1. PRS Kampung Pak Mahat mula dibina pada September 2002, di jadual siap pada September 2004 dan dilanjutkan tempoh sehingga Julai 2006. Semakan Audit mendapati Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 19 Julai 2006 tetapi tidak termasuk kerja-kerja pengujian sistem mekanikal dan elektrik. Sehingga Mac 2011 rumah pangsa ini tidak diduduki dan terpaksa dibaiki semula melibatkan kerja-kerja pendawaian elektrik, pemasangan pintu dan tingkap, pembaikan saluran paip, lif, pemasangan lampu, mengecat semula bangunan dan kerja-kerja lain yang berkaitan akibat faktor masa dan vandalisme. Kerja-kerja pembaikan ini telah siap sepenuhnya pada Julai 2012 dengan kos sebanyak RM7.60 juta melalui peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan.

1.4.1.2. Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi kerja-kerja pembaikan ini. MPK telah menyerahkan bangunan dan lain-lain kemudahan kepada Kerajaan Negeri pada 19 Mac 2013 dan pada tarikh sama juga Kerajaan Negeri menyerahkan semula 832 unit rumah PRS Kampung Pak Mahat kepada MPK untuk diuruskan melalui keputusan MMK Bil. 19/2007 bertarikh 27 Jun 2007.

1.4.1.3. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2014, daripada 416 unit rumah di Blok B hanya 288 unit sahaja yang mempunyai penyewa dan 128 unit lagi masih kosong. Manakala kesemua 416 unit rumah di Blok A masih belum disewakan seperti di **Gambar 1.1**. Lawatan Audit pada 7 dan 20 Januari 2015 di tingkat 8 dan 9 Blok B dan di Blok A yang masih belum disewakan ini mendapati banyak berlaku kerosakan akibat kegiatan vandalisme seperti di **Gambar 1.2** hingga **Gambar 1.5**.

Gambar 1.1
Bangunan Blok A Mempunyai 416 Unit
Rumah Yang Masih Belum Disewakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kapung Pak Mahat Kuantan
Tarikh: 7 Januari 2015

Gambar 1.2
Mentol Lampu Koridor Di Tingkat 9,
Blok B Yang Dicuri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat, Kuantan
Tarikh: 20 Januari 2015

Gambar 1.3
Daun Pintu Rumah Di Tingkat 9,
Blok B Yang Dipecahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat, Kuantan
Tarikh: 20 Januari 2015

Gambar 1.4
Pintu Saluran Paip Bomba Di Tingkat 8
Blok B, Yang Dipecahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat Kuantan
Tarikh: 20 Januari 2015



Gambar 1.5
Dinding Bersebelah Lif Ditingkat 8 Blok B,
Yang Diconteng Dan Dipenuhi Sampah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat Kuantan
Tarikh: 20 Januari 2015

1.4.1.4. Pihak Audit mendapati banyak kerja-kerja pembaikan semula perlu dilakukan sebelum pengisian penyewa di Blok A dan Blok B yang masih kosong. Pihak Audit juga dimaklumkan daripada 128 unit yang masih kosong di Blok B, 91 daripadanya memerlukan kerja-kerja pembaikan seperti pemasangan semula pintu, tingkap, mentol lampu, soket, penggantian semula wayar elektrik dan sebagainya.

1.4.1.5. Selain itu, Akhbar Sinar Harian bertarikh 5 Mac 2015 ada menyiarkan berita berkaitan aduan yang dibuat oleh penghuni PRS Kampung Pak Mahat mengenai kebimbangan mereka yang mendapati beberapa rumah kosong yang telah dijadikan sarang maksiat seperti di **Gambar 1.6**.



Gambar 1.6
Keratan Akhbar Sinar Harian Berkaitan
Kegiatan Vandalisme Di PRS Pak Mahat

Sumber: Akhbar Sinar Harian
 Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat Kuantan
 Tarikh: 5 Mac 2015

1.4.1.6. **Maklum balas yang diterima daripada Bahagian Perumahan Pejabat SUK Pahang bertarikh 9 April 2015, menjelaskan Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 19 Julai 2006 adalah tanpa kerja mekanikal dan elektrik yang diselesaikan. Bekalan elektrik tidak dapat dibekalkan kerana kerja sub-main cabling daripada pencawang TNB ke bangunan dan meter individu tidak dimasukkan dalam skop kerja kontrak asal oleh pihak perunding menyebabkan permohonan peruntukan baharu perlu dilakukan. Tempoh masa ini juga menyebabkan berlakunya kerosakan dan kecurian dalam sistem mekanikal PRS Kampung Pak Mahat.**

Pada pendapat Audit, tambahan kos sejumlah RM7.60 juta untuk kerja-kerja mekanikal dan elektrik serta pembaikan kerosakan PRS Pak Mahat adalah satu pembaziran dan sepatutnya boleh dielakkan.

1.4.2. Pengisian Penghuni PRS Kampung Pak Mahat Mengambil Masa Yang Lama

1.4.2.1. Objektif pembinaan rumah pangsa ini pada awalnya adalah sebagai penempatan bagi golongan miskin bandar. Namun selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengalihkan setinggan yang mendiami tanah-tanah kerajaan yang akan dibangunkan maka ianya diberi keutamaan untuk penempatan setinggan yang dipindahkan. Bahagian Perumahan SUK bersama MPK, Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Pahang dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan akan menjalankan siasatan dan

bancian mengenai penduduk setinggan di Daerah Kuantan sama ada setinggan yang menduduki tanah kerajaan atau tanah hak milik persendirian untuk mengalihkan setinggan ini di kawasan penempatan yang lebih tersusun dan terancang. Pemandahan setinggan di Daerah Kuantan ke PRS Kampung Pak Mahat adalah dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa. Sebagai asas pertimbangan dalam pemilihan peserta, mereka mestilah yang telah disahkan menduduki kawasan setinggan yang dikenal pasti dan mempunyai pendapatan keluarga secara kolektif tidak melebihi RM1,500 sebulan. Senarai calon-calon yang terpilih akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

1.4.2.2. Pengisian penduduk setinggan ke PRS Kampung Pak Mahat telah dilaksanakan melalui keputusan MMK Ke 9/2013 bertarikh 28 Februari 2013. Pada peringkat awal jumlah setinggan di sekitar bandar Kuantan yang dikenal pasti melalui bancian pada tahun 2006 adalah sebanyak 677 keluarga. Bagaimanapun, jumlah penduduk setinggan adalah berubah dari masa ke semasa berikutan berlakunya bencana seperti banjir yang memerlukan pemindahan penduduk. Bagi Fasa 1 misalnya seramai 22 buah keluarga telah dipindahkan ke PRS Kampung Pak Mahat pada Februari 2013 melibatkan penduduk kawasan Galing dan Galing Besar yang terlibat dengan banjir kilat pada Disember 2012. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 5 fasa pengalihan setinggan yang telah dilaksanakan seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Program Pengalihan Setinggan Daerah Kuantan sehingga 31 Disember 2014

Fasa Perpindahan	Kawasan Setinggan	Jumlah Ditawarkan	Jumlah Tolak Tawaran/ Tiada Maklum balas	Jumlah Terima Tawaran/ Penghuni
Fasa 1	Galing	22	2	20
Fasa 2	Galing Besar, Yayasan Pahang	64	7	57
Fasa 3	Tok Keramat, Tanjung Api, Yayasan Pahang, Galing Kecil, Batu Hitam	81	7	74
Fasa 4	Galing Kecil, Tok Keramat, Galing Besar Tanjung Api, Lain-lain Kawasan, Air Putih, Tanjung Punai	101	20	81
Fasa 5	Tanah Putih Lama, Tanjung Lumpur, Tanjung Punai, Galing Kecil, Tok Keramat	24	6	18
-	Golongan Orang Kurang Upaya/Mangsa banjir/Miskin	9	-	9
Jumlah				259
Kakitangan MPK		44	15	29
Jumlah Keseluruhan		345	57	288

Sumber: Bahagian Pengurusan PRS Pak Mahat

1.4.2.3. Sehingga 31 Disember 2014, 288 keluarga setinggan telah dipindahkan ke PRS Kampung Pak Mahat berbanding bilangan setinggan yang disenaraikan seramai 320 keluarga. Semakan Audit terhadap senarai pemohon PRS Pak Mahat juga mendapati seramai 45 pemohon masih dalam senarai rayuan, 66 pemohon bantuan rumah di bawah program e-Kaseh dan 180 setinggan yang ditangguhkan pemindahannya kerana status tanah yang diduduki adalah tanah hak milik individu. Antara penempatan setinggan yang masih belum dipindahkan adalah di kawasan Tanah Putih Lama dan Peramu seperti di **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.10**.

Gambar 1.7
Setinggan Tanah Milik Persendirian
Yang Masih Belum Dipindahkan



Sumber: Bahagian Perumahan SUK Pahang
Lokasi: Tanah Putih Lama, Kuantan
Tarikh: 2 April 2015

Gambar 1.8
Setinggan Tanah Milik Persendirian
Yang Masih Belum Dipindahkan



Sumber: Bahagian Perumahan SUK Pahang
Lokasi: Tanah Putih Lama, Kuantan
Tarikh: 2 April 2015

Gambar 1.9
Setinggan Tanah Milik Kerajaan
Yang Masih Belum Dipindahkan



Sumber: Bahagian Perumahan SUK Pahang
Lokasi: Peramu, Kuantan
Tarikh: 2 April 2015

Gambar 1.10
Setinggan Tanah Milik Kerajaan
Yang Masih Belum Dipindahkan



Sumber: Bahagian Perumahan SUK Pahang
Lokasi: Peramu, Kuantan
Tarikh: 2 April 2015

1.4.2.4. Maklum balas yang diterima daripada Bahagian Perumahan Pejabat SUK Pahang bertarikh 9 April 2015 menjelaskan, kekosongan unit rumah akan diisi dengan golongan miskin bagi proses pemilihan seterusnya. Walaupun ramai pemohon yang berminat untuk menyewa di PRS tersebut, akan tetapi Kerajaan Negeri perlu memastikan mereka yang menyewa adalah mereka yang terdiri daripada golongan miskin dengan pendapatan bersama tidak melebihi RM1,500

sebulan. Ini dibuktikan melalui 111 permohonan baru yang diterima, hanya 34 pemohon yang layak diberikan penempatan di PRS Kampung Pak Mahat termasuk mereka yang disenaraikan dalam e-Kaseh. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran 200 keluarga golongan miskin akan ditempatkan di PRS Kampung Pak Mahat.

Pada pendapat Audit, pengisian penghuni PRS Pak Mahat adalah kurang memuaskan kerana sehingga 31 Disember 2014 hanya 288 keluarga setinggan dan golongan miskin atau 34.6% unit PRS Pak Mahat sahaja yang telah ditempatkan.

1.4.3. Pengurusan Pembersihan PRS Pak Mahat Kurang Memuaskan

1.4.3.1. Kerajaan Negeri Pahang melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Yang Ke 19/2007 pada 27 Jun 2007 telah bersetuju melantik Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi mengurus, mentadbir dan menyenggara sepenuhnya PRS Kampung Pak Mahat.

1.4.3.2. Sehubungan itu, MPK telah menubuhkan Bahagian Pengurusan PRS Pak Mahat yang diketuai oleh Ketua Bahagian Gred N32. Lawatan Audit pada 7 dan 20 Januari 2015 mendapati keadaan persekitaran PRS Pak Mahat adalah kurang bersih dengan sampah sarap yang berselerakan di kawasan bangunan dan di dalam longkang, lif yang berbau dan kotor serta air bertakung di ruangan bawah bangunan semasa hujan seperti di **Gambar 1.11** hingga **Gambar 1.13**.

Gambar 1.11
Sampah Sarap Di Padang Permainan
Kanak-Kanak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat Kuantan
Tarikh: 7 Januari 2015

Gambar 1.12
Sampah Yang Berlonggok Di Bahagian
Tepi Bangunan Blok B



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat Kuantan
Tarikh: 7 Januari 2015



Gambar 1.13
Air Yang Bertakung Dibahagian Bawah
Bangunan Ketika Musim Hujan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat, Kuantan
Tarikh: 7 Januari 2015

1.4.3.3. Semakan lanjut Audit terhadap Jadual Tugas Pembersihan oleh Bahagian Pengurusan PRS Kampung Pak Mahat mendapati kerja-kerja pembersihan seperti mengutip sampah, menyapu, cuci longkang, mesin rumput dan cuci lantai ada dilaksanakan oleh 4 orang kakitangan MPK yang turut menghuni di sini. Bagaimanapun, kerja-kerja seperti mengutip sampah dan mencuci longkang di sekitar kawasan perumahan hanya diadakan sekali seminggu manakala kerja-kerja *blow* sampah di taman permainan pula diadakan 2 kali seminggu. Sikap segelintir penghuni yang kurang bertanggungjawab dengan membuang sampah merata-rata turut menyumbang kepada keadaan persekitaran yang kotor.

1.4.3.4. Maklum balas yang diterima daripada MPK (Bahagian Pengurusan PRS Kampung Pak Mahat) bertarikh 7 April 2015 menjelaskan, kerja-kerja pembersihan seperti mencuci longkang, mengutip sampah dan pemotongan rumput akan dijalankan setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad. Manakala, air yang bertakung adalah disebabkan kekemasan lantai yang tidak mempunyai aras aliran air.

Pada pendapat Audit, pengurusan PRS Kampung Pak Mahat adalah kurang memuaskan. Jadual kerja pembersihan yang disediakan adalah tidak mencukupi dengan keadaan persekitaran berbanding bilangan petugas. Penglibatan masyarakat di sini melalui program secara gotong-royong juga tidak diadakan bagi menjaga kebersihan dan persekitaran secara bersama.

1.4.4. Tunggakan Sewa PRS Pak Mahat

1.4.4.1. Kadar sewa yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pahang bagi PRS Kampung Pak Mahat adalah sejumlah RM125 sebulan termasuk caj perkhidmatan yang berjumlah RM25. Bayaran permulaan yang perlu dijelaskan semasa mengemukakan Borang Perakuan Setuju Terima Tawaran adalah berjumlah RM871 termasuk deposit sewa, bayaran utiliti dan bayaran lain yang berkaitan seperti di **Jadual 1.2.**

Jadual 1.2
Jumlah Bayaran Yang Perlu Dijelaskan
Oleh Penghuni Baru PRS Pak Mahat

Bil.	Butiran	Jumlah (RM)
1.	Deposit sewa 3 bulan	300
2.	Deposit utiliti	50
3.	Deposit pematuhan syarat perjanjian	100
4.	Proses penyediaan perjanjian sewa	20
5.	Deposit bekalan air	80
6.	Penyambungan bekalan air	30
7.	Borang permohonan bekalan air	1
8.	Permohonan bekalan elektrik TNB	290
Jumlah		871

Sumber: Bahagian Pengurusan PRS Kampung Pak Mahat, Kuantan

1.4.4.2. Semakan Audit terhadap bayaran sewa di PRS Kampung Pak Mahat yang mula disewakan pada Februari 2013 mendapati, seramai 134 penghuni PRS Pak Mahat iaitu 47% daripada 288 penghuni mempunyai tunggakan sewa. Sehingga 31 Disember 2014 jumlah tunggakan sewa dan caj perkhidmatan di PRS Kampung Pak Mahat adalah berjumlah RM93,075 melibatkan tunggakan sewa antara 2 hingga 17 bulan.

1.4.4.3. Mengikut Perjanjian Penyewaan PRS Kampung Pak Mahat, penyewa dikehendaki membayar sewa sebelum atau pada 10 hari bulan pada setiap bulan. Perenggan 7, Perjanjian Penyewaan pula menyebut tindakan penyitaan boleh diambil sekiranya penyewa gagal membayar sewa dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak Audit mendapati sehingga kini belum ada kes tindakan penyitaan yang dikenakan terhadap penyewa yang mempunyai tunggakan. Pihak Pengurusan PRS Kampung Pak Mahat hanya mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis tuntutan tunggakan sebanyak 2 kali terhadap penyewa yang mempunyai tunggakan iaitu pada bulan Januari dan Ogos 2014.

1.4.4.4. **Maklum balas yang diterima daripada MPK (Bahagian Pengurusan PRS Pak Mahat) bertarikh 7 April 2015 menjelaskan, hasil daripada perjumpaan dengan penduduk PRS Pak Mahat yang bermasalah membayar sewa rumah mendapati kebanyakan mereka tidak mempunyai pekerjaan tetap.**

Pada pendapat Audit, prestasi bayaran sewa PRS Pak Mahat adalah kurang memuaskan.

1.4.5. Komponen Projek

1.4.5.1. Komponen projek dan kemudahan yang disediakan dalam kawasan bangunan PRS Kampung Pak Mahat termasuklah surau, dewan serba guna, tadika, taman permainan kanak-kanak, 8 unit kedai/kios bagi setiap blok, Pejabat Pentadbiran Bangunan, 1 unit kedai dobi dan 1 unit stor bagi setiap blok. Selain itu, 2 gelanggang bola tampar, 2 gelanggang sepak takraw, sebuah padang serba guna, perpustakaan, 2 unit

rumah sampah, pencawang TNB dan bilik jana kuasa tunggu sedia, tangki air dan bilik pam, loji rawatan kumbahan serta lif penumpang dan lif barang.

1.4.5.2. Lawatan Audit pada 7 Januari 2015 mendapati 2 unit rumah sampah yang dibina bagi setiap blok tidak digunakan sebagai tempat pembuangan sampah dan sisa pepejal seperti di **Gambar 1.14** dan **Gambar 1.15**. Pihak Audit mendapati rumah sampah bagi kegunaan Blok A telah ditutupi oleh semak samun seperti di **Gambar 1.15**.

Gambar 1.14
Rumah Sampah Yang Dibina Bagi
Penghuni Blok B Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat Kuantan
Tarikh: 7 Januari 2015

Gambar 1.15
Rumah Sampah Yang Dibina Bagi
Penghuni Blok A Yang Tidak
Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat Kuantan
Tarikh: 7 Januari 2015

1.4.5.3. Selain itu, bilik bacaan/perpustakaan ada disediakan bagi setiap blok, namun sehingga kini bilik bacaan bagi Blok B yang telah dihuni mulai awal tahun 2013 masih kosong dan belum mempunyai sebarang buku dan keperluan lain yang berkaitan bagi kegunaan penghuni seperti di **Gambar 1.16** dan **Gambar 1.17**.

Gambar 1.16
Bilik Bacaan Yang Disediakan Kepada
Penghuni Blok B PRS Pak Mahat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat Kuantan
Tarikh: 7 Januari 2015

Gambar 1.17
Keadaan Bilik Bacaan Blok B PRS
Pak Mahat Yang Masih Kosong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PRS Kampung Pak Mahat Kuantan
Tarikh: 7 Januari 2015

1.4.5.4. Maklum balas yang diterima daripada MPK (Bahagian Pengurusan PRS Pak Mahat) bertarikh 7 April 2015 menjelaskan, rumah sampah yang dibina terletak kira-kira 100 meter daripada rumah kediaman. Ini menyukarkan penduduk untuk membuang sampah. Pihak Alam Flora telah menyediakan 2 buah tong sampah kontena bagi kegunaan penduduk untuk membuang sampah. Pihak Pengurusan PRS Pak Mahat juga sedang berusaha untuk menyediakan sebuah perpustakaan yang lengkap.

Pada pendapat Audit komponen projek yang disediakan adalah mencukupi bagi kegunaan penghuni PRS Pak Mahat namun tidak digunakan sewajarnya.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perumahan rakyat diurus dengan cekap dan teratur serta manfaatnya dirasai oleh golongan sasar, adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan berikut:

1.5.1. Bahagian Perumahan SUK mempercepatkan proses pemindahan setinggan dan pemilihan penyewa supaya rumah dapat dihuni segera bagi mengurangkan kos pembaikan akibat kerosakan dan vandalisme.

1.5.2. Bahagian Pengurusan PRS Kampung Pak Mahat hendaklah memberi keutamaan terhadap aspek kebersihan dan penggunaan kemudahan yang disediakan.

**MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN
MAJLIS DAERAH JERANTUT
MAJLIS DAERAH MARAN
MAJLIS DAERAH LIPIS**

2. PENGURUSAN PEROLEHAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Tatacara perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan adalah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan dana Majlis.

2.1.2. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Majlis Daerah Jerantut (MDJ), Majlis Daerah Maran (MDM) dan Majlis Daerah Lipis (MDL) telah melaksanakan perolehan kerja yang dibuat sama ada secara tender, sebut harga dan lantikan terus. Kos perbelanjaan yang terlibat sepanjang tempoh tersebut berjumlah RM288.94 juta seperti di **Jadual 2.1**. Bagi tempoh tersebut sebanyak 51 perolehan kerja berjumlah RM88.98 juta telah dilaksanakan melalui tender, manakala sebanyak 1,166 perolehan kerja yang berjumlah RM176.48 juta dibuat melalui sebut harga dan sebanyak 918 perolehan kerja lagi dibuat melalui lantikan terus yang berjumlah RM23.48 juta.

Jadual 2.1
Perolehan Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Maran
Dan Majlis Daerah Lipis Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	PBT	Kaedah Perolehan						Jumlah	
		Tender		Sebut Harga		Lantikan Terus		Bil.	(RM Juta)
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)		
1.	MPK	31	75.11	478	85.05	515	15.04	1,024	175.20
2.	MDJ	3	2.40	230	34.29	273	5.41	506	42.10
3.	MDM	10	6.91	174	27.48	74	1.39	258	35.78
4.	MDL	7	4.56	284	29.66	56	1.64	347	35.86
Jumlah		51	88.98	1,166	176.48	918	23.48	2,135	288.94

Sumber: MPK, MDJ, MDM dan MDL

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan kerja dan bekalan Majlis telah dirancang serta diurus dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah ditumpukan kepada pengurusan perolehan kerja oleh MPK, MDJ, MDM dan MDL bagi tempoh 2012 hingga 2014 yang dibuat secara tender, sebut harga dan lantikan terus. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan bagi sampel yang dipilih serta mengkaji dan menganalisis data yang terlibat. Selain itu, lawatan ke tapak projek serta temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama Yang DiPertua MPK dan Setiausaha MDJ telah diadakan pada 10 Mac 2015, yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan MPK dan MDJ. Selain itu *Exit Conference* bersama Yang DiPertua MDM dan Yang DiPertua MDL juga telah diadakan pada 14 April 2015 yang turut dihadiri pegawai-pegawai kanan MDM dan MDL.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2014 hingga Mac 2015 mendapati secara keseluruhan pengurusan perolehan di MPK adalah memuaskan manakala pengurusan di MDJ, MDM dan MDL adalah kurang memuaskan. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender, Penilaian Sebut Harga serta Jawatankuasa Sebut Harga/Tender telah diwujudkan di MPK dan MDM. MPK juga telah mengenakan Denda Lewat atau *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) kepada kontraktor yang gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, sistem penyimpanan rekod dan dokumentasi berkaitan perolehan adalah teratur dan kemas kini di MPK dan MDM. Bagaimanapun, didapati wujud beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Kelulusan sebut harga tidak dibuat oleh 3 Ahli Jawatankuasa Sebut Harga di MDJ.
- Penilaian sebut harga dinilai oleh seorang pegawai sahaja di MDM dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak ditubuhkan di MDL.
- Permohonan Tempoh Lanjutan Masa dibuat selepas tarikh kerja patut siap di MPK dan MDJ.
- Denda Lewat atau *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) tidak dikenakan dan perolehan kerja dipecahkecilkan di MDJ.
- Projek pembangunan di kawasan Jerantut Feri, Jerantut tidak memuaskan.
- Kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi dan kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan di MDM dan MDL.
- Ruang niaga atau bangunan tidak diguna dan disenggarakan di MDM.

2.4.1. Prestasi Perolehan

2.4.1.1. Pelaksanaan perolehan oleh Majlis dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan selain permohonan daripada orang awam dan Ahli Majlis. Arahan Perbendaharaan 193 dan Surat Pekeliling Bil. 5 Tahun 2009 mengenai

Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi telah menggariskan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi semasa pemilihan kontraktor melalui tender, sebut harga atau lantikan terus. Antaranya perolehan hendaklah menguntungkan Kerajaan berdasarkan faktor harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kualiti, kuantiti, tempoh siap/serahan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan. Bagi pemilihan kontraktor pula ia hendaklah mengambil kira rekod kerja terdahulu, keupayaan teknikal dan kewangan serta kerja semasa dalam tangan.

2.4.1.2. Semakan Audit di MPK, MDJ, MDM dan MDL bagi tempoh 2012 hingga 2014 mendapati MPK telah memperoleh peruntukan berjumlah RM210.47 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM175.20 juta atau 83.2% telah dibelanjakan melibatkan sebanyak 1,024 bilangan perolehan. Manakala MDJ telah memperoleh peruntukan sejumlah RM51.48 juta bagi tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM42.10 juta atau 81.8% telah dibelanjakan melibatkan sebanyak 506 bilangan perolehan. Manakala MDM telah memperoleh peruntukan berjumlah RM45.14 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM35.78 juta atau 79.3% telah dibelanjakan melibatkan sebanyak 258 bilangan perolehan. MDL pula telah memperoleh peruntukan sejumlah RM35.86 juta bagi tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM35.86 juta atau 100.0% telah dibelanjakan melibatkan sebanyak 347 bilangan perolehan. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan MPK, MDJ, MDM Dan MDL Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Perolehan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	1,024	210.47	175.20	83.2
2.	Majlis Daerah Jerantut	506	51.48	42.10	81.8
3.	Majlis Daerah Maran	258	45.14	35.78	79.3
4.	Majlis Daerah Lipis	347	35.86	35.86	100.0
Jumlah Keseluruhan		2,135	342.95	288.94	171.36

Sumber: MPK, MDJ, MDM dan MDL

2.4.1.3. Semakan Audit terhadap proses perolehan mendapati MPK telah menguruskannya dengan memuaskan. Kesemua Jawatankuasa yang diperlukan seperti Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender telah diwujudkan. Kesemua sebut harga telah diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Tender yang dianggotai seramai 3 orang ahli. Manakala sistem penyimpanan rekod dan dokumentasi ke dalam fail juga adalah teratur dan kemas kini. Selain itu, MPK telah mengamalkan sistem undi bagi kerja-kerja di bawah RM20,000. Kesemua kontraktor yang berdaftar telah mengundi bagi menentukan nombor giliran masing-masing. Tawaran kerja adalah berdasarkan kepada turutan nombor undian tersebut. Status kerja semasa yang telah ditawarkan kepada kontraktor boleh diakses melalui laman sesawang MPK pada bila-bila masa.

2.4.1.4. Semakan Audit terhadap proses perolehan di MDJ pula mendapati ianya adalah kurang memuaskan. Sebanyak 2 daripada 19 sebut harga yang disemak mendapati kelulusan sebut harga telah dibuat oleh 2 ahli sahaja daripada 3 ahli Jawatankuasa Sebut Harga/Tender. Ini tidak memenuhi kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 yang menghendaki keputusan sebut harga dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Tender dengan keahlian sekurang-kurangnya 3 orang. Sebut harga tersebut adalah projek membina gerai jualan buah-buahan di Jalan Kampung Batu Embun berjumlah RM90,400 dan projek membaik pulih jeti penumpang di Kuala Tahan berjumlah RM187,350.

2.4.1.5. Selain itu, penyimpanan rekod dan dokumen dalam fail adalah tidak lengkap dan kemas kini. Surat-menyurat tidak disusun mengikut turutan folio dan ada yang tidak disimpan dalam fail yang berkaitan. Sementara itu, MDJ tidak mengamalkan sistem undian terhadap perolehan yang bernilai kurang daripada RM20,000. Pihak MDJ menjelaskan bahawa kerja ditawarkan terus kepada kontraktor yang difikirkan layak dan peluang diberi hanya sekali sahaja dalam tempoh setahun. Semakan Audit selanjutnya mendapati pengurusan proses perolehan di MDM adalah memuaskan. Kesemua Jawatankuasa yang diperlukan seperti Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender telah diwujudkan. Kesemua sebut harga telah diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Tender yang telah dilantik secara bertulis. Manakala sistem penyimpanan rekod dan dokumentasi ke dalam fail juga adalah teratur dan kemas kini.

2.4.1.6. Perenggan 7.2, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, menetapkan penilaian sebut harga kerja hendaklah dilaksanakan oleh satu Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga yang dianggotai oleh tidak kurang 3 orang pegawai dan salah seorang ahli jawatankuasa berkenaan hendaklah seorang pegawai teknikal dalam bidang kerja terbabit. Semakan Audit di MDM mendapati bagi tempoh 2012 hingga 2014 seramai 6 pegawai telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Penilaian Sebut Harga. Semakan Audit selanjutnya terhadap 46 sampel Audit, 33 daripadanya iaitu 20 sebut harga pada tahun 2012 dan 13 sebut harga pada tahun 2013 dinilai oleh seorang pegawai sahaja.

2.4.1.7. Manakala di MDL, semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak ditubuhkan bagi perolehan kerja dan pelantikan ahli jawatankuasa juga tidak dibuat. MDL ada menyediakan Laporan Tawaran untuk pemilihan kerja setiap kontraktor. Bagaimanapun, laporan tersebut tidak menjelaskan secara terperinci petender yang disyorkan dan justifikasi pemilihan. Ia hanya melaporkan maklumat petender yang tertinggi dan terendah.

2.4.1.8. **Maklum balas yang diterima daripada MDM bertarikh 3 April 2015 menjelaskan, sebelum tahun 2013, Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga adalah seramai 3 orang manakala Jawatankuasa Penilai Sebut Harga pula hanya seorang sahaja. Berikutan teguran Audit dalam Pengauditan Berasaskan Indeks**

Akauntabiliti pada tahun 2012, MDM telah melantik seramai 3 orang ahli Jawatankuasa Penilai Sebut Harga. Maklum balas yang diterima daripada MDL bertarikh 3 April 2015 menjelaskan, Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga telah ditubuhkan pada 16 Mac 2015 dan telah bersidang buat pertama kali pada 26 Mac 2015 bagi 15 projek untuk tahun 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan di MPK adalah memuaskan. Manakala di MDJ, MDM dan MDL adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan terutama berkaitan sistem fail, pelantikan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga serta justifikasi di dalam pemilihan petender.

2.4.2. Pelaksanaan Perolehan Kerja

2.4.2.1. Permohonan Lanjutan Masa Dibuat Selepas Tarikh Kerja Patut Siap

- a. Tiga kerja sebut harga di MPK dan 1 kerja sebut harga serta 1 lantikan terus di MDJ telah lewat memohon lanjutan masa iaitu selepas tarikh kerja sepatutnya disiapkan antara 5 hingga 34 hari. Pihak Majlis didapati telah memberi kelulusan tanpa mendapatkan sebarang penjelasan berkaitan kelewatan permohonan lanjutan masa daripada pihak kontraktor. Butiran kelewatan memohon lanjutan masa adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Mohon Lanjutan Masa Selepas Tarikh Kerja Patut Disiapkan

Bil.	No. Sebut Harga/ Lantikan Terus	Kos Projek (RM Juta)	Tarikh Kontrak Tamat (a)	Tarikh Permohonan Lanjutan Masa (b)	Tempoh Kelewatan (Hari) (b-a)
Majlis Perbandaran Kuantan					
1.	MPK/J/AW/SH:55/2012	0.32	22.10.2012	29.10.2012	7
2.	MPK/W/SH:46/2013	0.34	13.06.2013	19.06.2013	6
3.	MPK/J/AW/SH:45/2012	0.46	03.10.2012	08.10.2012	5
Majlis Daerah Jerantut					
1.	MDJ/SH/06/41/2013	0.32	06.12.2013	10.01.2014	34
2.	MDJ/SH/05/25/2013	0.02	24.01.2014	17.02.2014	24

Sumber: MPK dan MDJ

- b. Semakan Audit juga mendapati tempoh keseluruhan lanjutan masa yang diluluskan oleh MDJ bagi 9 sebut harga adalah lebih lama berbanding tempoh asal projek patut disiapkan. Tempoh lanjutan yang diluluskan melebihi 100% tempoh siap asal projek iaitu antara 18 hingga 52 minggu atau 112.5% hingga 216.7% seperti di **Jadual 2.4**. Alasan yang dikemukakan kontraktor juga tidak munasabah seperti alasan hujan sedangkan kerja dilaksanakan di luar musim tengkujuh dan ketiadaan bekalan bahan-bahan binaan sedangkan projek yang dilaksanakan ialah pembinaan atau baik pulih gerai sahaja.

Jadual 2.4
Tempoh Lanjutan Masa Yang Diluluskan Melebihi Tempoh Asal Projek Sepatutnya Siap

Bil.	No. Sebut Harga	Kos Projek (RM Juta)	Nama Projek	Tempoh Sepatut Siap (Minggu)	Lanjutan Masa Yang Diluluskan		
					Bilangan Mohon	Jumlah (Minggu)	Peratus (%)
1.	MDJ/SH/06/16/2013	0.09	Baik Pulih Gerai Di Kg. Labu, Jerantut	10	1	41	410.0
2.	MDJ/SH/06/28/2012	0.19	Naik Taraf Rumah Rehat Jerantut	8	1	23	287.5
3.	MDJ/SH/06/15/2012	0.19	Baik Pulih Jeti Penumpang Di Kuala Tahan	8	1	18	225.0
4.	MDJ/SH/06/42/2013	0.47	Bina Gerai Medan Selera Di Kawasan Perindustrian Jerantut	16	3	35	218.8
5.	MDJ/SH/01/01/2013	0.49	Membina Dewan Serba Guna Di Bandar Jerantut	24	5	52	216.7
6.	MDJ/SH/01/06/2012	0.19	Bina 8 Unit Kiosk Di Bandar Inderapura	15	2	27	180.0
7.	MDJ/SH/06/19/2012	0.10	Membina 4 Kedai Di Kg. Bukit Nikmat Hilir	10	1	18	180.0
8.	MDJ/SH/02/01/2012	0.43	Membina Gerai Di Kg. Bukit Dinding	16	1	18	112.5
9.	MDJ/SH/06/46/2013*	0.47	Pembangunan Feri <i>Waterfront</i> Fasa II	24	2	26	108.3

Sumber: MDJ

Nota: * - Projek masih belum siap

2.4.2.2. Denda Lewat Atau *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD)

- a. Denda Lewat merupakan satu denda atau ganti rugi yang dikenakan kepada kontraktor yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab munasabah. Kadar Denda Lewat yang dikenakan MPK adalah dengan mengambil kira *Base Lending Rate* (BLR) pada tahun tersebut dan nilai kontrak. Amaun Denda Lewat dinyatakan dalam Borang Sebut Harga. Manakala MDJ pula akan mengenakan Denda Lewat pada kadar yang sama bagi setiap kerja iaitu sejumlah RM50 sehari dan dinyatakan juga dalam Borang Sebut Harga.
- b. Semakan Audit mendapati MPK telah mengambil tindakan mengenakan Denda Lewat terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan tersebut diambil setelah Notis Tindakan Untuk Mengenakan *Liquidated And Ascertained Damages* dikeluarkan dan diperakui kerja-kerja berkaitan tidak dapat disiapkan sepenuhnya melalui Notis Perakuan Kerja Tidak Siap. Berdasarkan semakan Audit didapati MPK telah mengenakan Denda Lewat kepada 7 kerja sebut harga pada tahun 2012 hingga 2014. Kadar Denda Lewat yang dikenakan adalah antara RM23.65 hingga RM75.10 sehari. Manakala jumlah Denda Lewat yang

dikenakan pula adalah antara RM1,058 hingga RM8,894 melibatkan tempoh kelewatan antara 19 hingga 136 hari.

- c. Semakan Audit di MDJ pula mendapati Denda Lewat tidak dikuatkuasakan terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan kerana lanjutan masa bagi kerja-kerja tersebut diberikan sehingga disiapkan sepenuhnya walaupun telah melebihi tempoh asal yang ditetapkan.

2.4.2.3. Memecah Kecil Perolehan Kerja

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2005 menyatakan bahawa perolehan kerja kecil yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga. Para 3.3 daripada surat pekeling yang sama merupakan larangan kepada Agensi untuk memecah kecilkan perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja bagi mengelakkan pelawaan sebut harga/tender. Kerja-kerja pecah kecil bermaksud pelaksanaan perolehan bagi skop/aktiviti/jenis kerja yang sama atau berkaitan, masa/tarikh yang sama atau berdekatan, kawasan yang sama atau berdekatan tidak kira syarikat/kontraktor yang sama atau berlainan.
- b. Semakan Audit di MDJ mendapati sebanyak 3 perolehan kerja secara lantikan terus untuk projek menaiktaraf Dataran Tempat Letak Kenderaan di Padang FA Jerantut telah dilaksanakan pada masa yang sama bernilai RM60,000 telah dipecahkecilkan kepada 3 fasa dengan nilai kerja RM20,000 bagi setiap fasa. Butirannya seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Pecah Kecil Kerja Yang Dibuat Secara Lantikan Terus Di MDJ

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM)	No. Inden Kerja	Tarikh Inden Kerja	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Tarikh Baucar
Lokasi: Padang FA, Jerantut							
1.	Menaik Taraf Dataran Tempat Letak Kenderaan (Fasa I)	20,000	MDJ/09/2012	16.03.2012	16.03.2012	06.04.2012	24.04.2012
2.	Menaik Taraf Dataran Tempat Letak Kenderaan (Fasa II)	20,000	MDJ/10/2012	16.03.2012	16.03.2012	06.04.2012	24.04.2012
3.	Menaik Taraf Dataran Tempat Letak Kenderaan (Fasa III)	20,000	MDJ/11/2012	16.03.2012	16.03.2012	06.04.2012	24.04.2012
Jumlah		60,000					

Sumber: MDJ

- c. **Maklum balas yang diterima daripada MDJ bertarikh 13 Mac 2015 menjelaskan, perolehan kerja dipecah kecil kerana kerja-kerja di kawasan tersebut perlu disiapkan dengan kadar segera untuk tujuan majlis rasmi dan Acara Karnival Jerantut.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan perolehan kerja di MDJ adalah kurang memuaskan terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan lanjutan masa, pelaksanaan Denda Lewat dan memecah kecilkan perolehan kerja.

2.4.3. Pelaksanaan Projek

2.4.3.1. Projek Pembangunan Di Kawasan Jerantut Feri Tidak Memuaskan

- a. Semakan Audit mendapati prestasi pelaksanaan 4 projek pembangunan MDJ di kawasan Jerantut Feri, Jerantut adalah tidak memuaskan. Kesemua projek tersebut dilaksanakan di satu kawasan yang sama pada tahun 2012 hingga 2014 melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM1.11 juta. Maklumat lanjut projek adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Projek Yang Dilaksanakan Di Kawasan Jerantut Feri

Bil.	No. Sebut Harga	Perihal Kerja	Kos Projek (RM)	Kos Sebenar (RM)
1.	MDJ/SH/06/11/2012	Projek Pembangunan <i>Waterfront</i> & Jeti Nelayan Jerantut Feri, Jerantut	175,350	189,675
2.	MDJ/SH/02/01/2013	Projek Membina Dataran Pekan Sehari Serta Kemudahan Awam Di Jerantut Feri, Jerantut	285,370	285,370
3.	MDJ/SH/06/58/2013	Projek Membina Pembesaran Feri <i>Waterfront</i> Fasa II, Jerantut	472,325	444,847
4.	MDJ/SH/04/47/2014	Projek Membaik Pulih Jalan Ke Jerantut Feri, Jerantut	160,000	192,000
Jumlah			1,093,045	1,111,892

Sumber: MDJ

- b. Projek Pembangunan *Waterfront* & Jeti Nelayan Jerantut Feri, Jerantut melibatkan kos berjumlah RM175,350. Ia telah mula dilaksanakan pada 2 Julai 2012 dan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2012. Projek ini melibatkan kerja-kerja meratakan tapak, membekal dan menghampar lapisan *subgrade*, konkrit *imprint*, *Colourstone Washed Pebbles*, membina tembok batu corak rambang, anak tangga dan kerja-kerja lanskap bagi tujuan pembangunan *Waterfront*. Selain itu, kontraktor perlu membina dan menyiapkan anak tangga dengan kelebaran 1.5 meter termasuk *railing* melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM10,000. Kontraktor juga dikehendaki membina serta menyiapkan kemasan 10 milimeter hingga 12 milimeter tebal *Colourstone Washed Pebbles* sepanjang 375 meter yang bernilai RM37,500. Kerja telah diperakukan siap pada 31 Disember 2012. Manakala bayaran penuh berjumlah RM189,675 telah dijelaskan pada 4 Februari 2013.
- c. Lawatan Audit pada 12 November 2014 mendapati kesemua item telah dibina kecuali *railing* pada anak tangga tidak dipasang sebagaimana yang dikehendaki. Begitu juga dengan kemasan *Colourstone Washed Pebbles* juga tidak dibuat. Kawasan sekitar projek tersebut juga didapati terbiar dan tidak terurus dengan ditumbuhi semak samun terutama di laluan pejalan kaki ke jeti. Keadaan projek adalah seperti di

Gambar 2.1 dan Gambar 2.2. Maklum balas yang diterima daripada MDJ bertarikh 13 Mac 2015 menjelaskan, bagi pemasangan railing dan kemasam Colourstone Washed Pebbles telah dilaraskan dan ditolak serta ditambah pada kuantiti kerja-kerja yang lain. Selain itu, pihak Majlis juga akan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan bagi memastikan kawasan ini disenggarakan mengikut jadual yang ditetapkan mengikut keperluan.

Gambar 2.1
Anak Tangga Dibina Tanpa Railing



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Waterfront* & Jeti Nelayan Jerantut Feri
Tarikh: 12 November 2014

Gambar 2.2
Laluan Pejalan Kaki Menuju Ke Jeti
Telah Ditumbuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Waterfront* & Jeti Nelayan Jerantut Feri
Tarikh: 12 November 2014

- d. MDJ juga telah melaksanakan Projek Membina Dataran Pekan Sehari Serta Kemudahan Awam di kawasan yang sama dengan kos berjumlah RM285,370 melalui Sebut Harga MDJ/SH/02/01/2013. Projek ini telah dimulakan pada 3 Mei 2013 dan siap sepenuhnya pada 23 Oktober 2013. Skop kerja adalah seperti menyiapkan dataran dan longkang, membina bangunan gerai, surau, tandas, pentas dan bangunan wakaf. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kerja yang telah dilaksanakan hanyalah menyiapkan dataran dan longkang serta bangunan gerai sahaja. Manakala 4 komponen lain iaitu surau, tandas, pentas dan bangunan wakaf yang kesemuanya berjumlah RM97,830 tidak dibina. Didapati bayaran yang sama jumlahnya dengan kos asal telah diperakukan untuk dibayar kepada kontraktor pada 13 November 2013.
- e. **Maklum balas yang diterima daripada MDJ bertarikh 13 Mac 2015 menjelaskan, jumlah yang sama telah dibayar adalah disebabkan berlakunya perubahan kerja di mana 4 komponen yang tidak dilaksanakan itu telah diganti dengan menambah keluasan kawasan dataran yang perlu disediakan.** Ini bermakna kos bagi kerja menambah keluasan dataran tersebut adalah berjumlah RM97,830. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan perkara ini disebabkan tiada sebarang dokumen untuk menyokong perubahan kerja yang dimaksudkan.

- f. Pada bulan Oktober tahun yang sama juga, MDJ telah melaksanakan satu lagi projek di kawasan yang sama iaitu Projek Pembesaran *Waterfront* Fasa II, Jerantut dengan kos berjumlah RM472,325 melalui Sebut Harga MDJ/SH/06/58/2013. Projek tersebut dijangka siap pada bulan April 2014 atau selama 24 minggu. Komponen utama projek terdiri daripada membina 1 unit kedai, 1 unit tandas, sebuah pentas, 3 unit gerai dan kerja-kerja lanskap. Semakan Audit mendapati kontraktor telah diberi 2 kali lanjutan masa selama 217 hari atau 31 minggu dan sepatutnya siap pada bulan Oktober 2014. Lawatan Audit pada 12 November 2014 mendapati projek masih belum siap sepenuhnya. Mengikut rekod, kerja-kerja yang masih belum dilaksanakan adalah melibatkan kerja pencahayaan berjumlah RM58,200 serta kerja-kerja lanskap berjumlah RM58,925 menjadikan kesemuanya berjumlah RM117,125.
- g. Semakan dan lawatan Audit kali kedua telah diadakan pada 20 Januari 2015. Pihak MDJ memaklumkan bahawa kontraktor yang dilantik telah gagal menyiapkan projek tersebut. Bagaimanapun pada bulan Januari 2015, kontraktor telah menuntut bayaran sejumlah RM444,847 dengan pihak MDJ. Tuntutan tersebut adalah dengan mengambil kira kerja yang telah dilaksanakan termasuk perubahan kerja dan kerja-kerja tambahan. Jumlah ini berkurangan hanya sebanyak RM27,478 atau 5.8% daripada kos asal yang berjumlah RM472,325 sedangkan nilai kerja yang tidak dilaksanakan berjumlah RM117,125 atau 24.8%. Semakan lanjut mendapati berlaku pertambahan kos berjumlah RM89,647 yang melibatkan perubahan kerja sejumlah RM36,397 dan kerja-kerja tambahan sejumlah RM53,250. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan bahawa perubahan kerja tersebut telah diluluskan sebelum ianya dilaksanakan. Pelaksanaan kerja-kerja tersebut juga tidak dapat disahkan terutamanya yang melibatkan pertambahan kos ketara seperti kerja menghampar konkrit *imprint* termasuk bahan *incorporating colour hardener* berjumlah RM45,000 dan membina bangunan kedai tambahan berukuran 16 meter x 5 meter berjumlah RM49,938. Pihak kontraktor juga tidak dikenakan Denda Lewat atas kegagalan menyiapkan projek. Perubahan kerja serta peningkatan kos adalah seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Perubahan Kerja Yang Menyebabkan Pertambahan Kos

Bil.	Perihal Kerja	Kuantiti		Kos (RM)		Pertambahan Kos (RM)
		Asal	Sebenar	Asal	Sebenar	
Perubahan Kerja						
1.	Tandas: Membekal dan memasang peralatan elektrik	Pukal	Pukal	2,500	4,820	2,320
2.	Lanskap: Lantai konkrit bertetulang	600m ²	900m ²	28,800	43,200	14,400
	Menghampar konkrit <i>imprint</i>	400m ²	900m ²	36,000	81,000	45,000
3.	Pentas: Memasang peralatan elektrik	Pukal	Pukal	2,500	2,678	178

Bil.	Perihal Kerja	Kuantiti		Kos (RM)		Pertambahan Kos (RM)
		Asal	Sebenar	Asal	Sebenar	
Perubahan Kerja						
4.	Kedai: Memasang peralatan elektrik	Pukal	Pukal	3,500	3,000	(500)
5.	Peruntukan kerja luar jangka			25,000	-	(25,000)
Jumlah				98,300	134,698	36,398
Kerja-kerja Tambahan						
1.	Memasang <i>road kerb</i> 100mm x 300mm	-	138m	-	3,312	3,312
2.	Membina bangunan kedai tambahan 16m x 5m	-	861ft ²	-	49,938	49,938
Jumlah				-	53,250	53,250
Jumlah Keseluruhan				98,300	187,948	89,648

Sumber: MDJ

2.4.3.2. Kerja Yang Dilaksanakan Tidak Mengikut Spesifikasi Dan Kualiti Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan

- a. Semakan Audit mendapati sebanyak 3 projek MDM dan 1 projek MDL melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM3.77 juta iaitu RM3.45 juta di MDM dan RM0.32 juta di MDL. Maklumat lanjut projek adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Projek Yang Dilaksanakan Di Kawasan MDM dan MDL

Bil.	No. Sebut Harga	Perihal Kerja	Kos Projek (RM Juta)	Kos Sebenar (RM Juta)
Majlis Daerah Maran				
1.	MDM/T/PB/2013/02	Menaik Taraf Pasar Borong Serta Kerja-kerja Berkaitan di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Maran	0.97	0.97
2.	MDM/T/KM/2013/05	Membina Kompleks Makanan Berasaskan Ayam Kampung Dalam Bandar Maran	0.89	1.00
3.	MDM/T/KAGF/2014 /01	Membina Dan Menaik Taraf Kemudahan Awam dan Gelanggang Futsal Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Taman Tasik Maran	1.48	1.48
Jumlah			3.34	3.45
Majlis Daerah Lipis				
1.	MDL/Q/25/2014	Penyelenggaraan PAKR Rumah Pangsa Tempoyang, Lipis Pahang (Mekanikal)	0.32	0.32
Jumlah			0.32	0.32
Jumlah Besar			3.66	3.77

Sumber: MDM dan MDL

- b. Kompleks makanan berasaskan ayam kampung tersebut telah siap dibina pada 14 Ogos 2014 dengan kos keseluruhan berjumlah RM0.9 juta. Kompleks ini mempunyai 9 unit kedai makan dan 1 unit kedai utiliti yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti penghawa dingin dan tandas untuk keselesaan pelanggan. Temu bual Audit bersama 2 pemilik kedai makan berkenaan menyatakan, sewa kedai adalah RM385 sebulan dan ia dibuka antara 3.00 petang sehingga 2.00 pagi. Lawatan Audit mendapati kelengkapan dapur seperti *stainless steel hood*, *piping* dan kipas motor yang berjumlah RM16,200 untuk 9 unit kedai tidak dibekalkan oleh kontraktor. Semakan Audit mendapati kos pemasangan ini telah dibayar kepada kontraktor. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, kontraktor telah membekalkan kelengkapan dapur tersebut seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**.

Gambar 2.3
Stainless Steel Hood, Piping,
Kipas Motor Tidak Dibekalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Makanan Berasaskan
Ayam Kampung
Tarikh: 5 Februari 2015

Gambar 2.4
Sebahagian Kelengkapan Dapur
Telah Dipasang



Sumber: Majlis Daerah Maran
Lokasi: Kompleks Makanan Berasaskan
Ayam Kampung
Tarikh: 16 April 2015

- c. **Maklum balas yang diterima daripada MDM bertarikh 15 April 2015 menjelaskan, item tersebut terdapat dalam Borang Sebut Harga (BQ) dan tiada dalam pelan serta pertukaran pegawai penyelia projek. Bagaimanapun, pihak kontraktor bersetuju untuk membekalkan peralatan tersebut seperti mana Surat Aku Janji bertarikh 27 Mac 2015.**
- d. Selain itu, pemeriksaan Audit di 2 projek lagi di MDM dan 1 projek di MDL mendapati kualiti kerja pembinaan tidak memuaskan seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Bil.	Butiran Sebut Harga/ Tender	Penemuan Audit	Maklum Balas Audit
Majlis Daerah Maran			
1.	Menaik Taraf Pasar Borong Serta Kerja Berkaitan di Bandar Tun Abdul Razak, Jengka	<i>Sump</i> longkang tidak berpenutup seperti di Gambar 2.5 .	Maklum balas MDM bertariikh 3 April 2015 menjelaskan, MDM telah mengambil tindakan menyediakan penutup sump tersebut seperti di Gambar 2.6.
2.	Membina Dan Menaik taraf Kemudahan Awam dan Gelanggang Futsal Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Taman Tasik Maran	<i>Sump</i> tidak berpenutup seperti di Gambar 2.7 .	Maklum balas MDM bertariikh 3 April 2015 menjelaskan, penutup sump telah dipasang seperti di Gambar 2.8.
Majlis Daerah Lipis			
3.	Penyelenggaraan PAKR Rumah Pangsa Tempoyang, Lipis Pahang	Kesan resapan pada siling bumbung kerana paip bocor seperti di Gambar 2.9 .	Maklum balas MDM bertariikh 3 April 2015 menjelaskan, kesan resapan adalah kesan lama sebelum pertukaran <i>piping</i> dilaksanakan. Kesan tersebut telah dicat oleh kontraktor seperti di Gambar 2.10. MDL akan mengambil maklum teguran Audit dan memastikan kontraktor membaiki kecacatan sekiranya masih dalam tempoh tanggungan kecacatan.
		Kerja-kkerja pemasangan paip kurang kemas seperti di Gambar 2.11 .	Maklum balas MDL bertariikh 3 April 2015 menjelaskan, MDL akan memperkemaskan paip tersebut dengan tenaga kerja MDL.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.5
Sump Longkang Tidak Berpenutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Borong Bandar Tun Abdul Razak,
Jengka, Maran
Tarikh: 14 Januari 2015

Gambar 2.6
Penutup Sump Telah Dipasang



Sumber: Majlis Daerah Maran
Lokasi: Pasar Borong Bandar Tun Abdul Razak,
Jengka, Maran
Tarikh: 16 April 2015

Gambar 2.7
Sump Tidak Berpenutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tasik Maran
Tarikh: 15 Januari 2015

Gambar 2.8
Penutup Sump Telah Dipasang



Sumber: Majlis Daerah Maran
Lokasi: Taman Tasik Maran
Tarikh: 16 April 2015

Gambar 2.9
Kesan Resapan Pada Siling Bumbung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Rumah Pangsa Tempoyang, Lipis
Tarikh: 29 Januari 2015

Gambar 2.10
Kesan Resapan Telah Dicat Baharu



Sumber: Majlis Daerah Lipis
Lokasi: PAKR Rumah Pangsa Tempoyang, Lipis
Tarikh: 03 April 2015



Gambar 2.11
**Kerja-Kerja Mekanikal (*Piping*)
Kurang Kemas**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PAKR Rumah Pangsa Tempoyang, Lipis
Tarikh: 29 Januari 2015


Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja pembangunan di kawasan Jerantut Feri oleh MDJ adalah kurang memuaskan kerana tidak dilaksanakan dengan baik. Selain itu, ada kerja-kerja yang dilaksanakan di MDM dan MDL tidak mengikut spesifikasi dan senarai kuantiti serta kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan.

2.4.4. Ruang Niaga Atau Bangunan Tidak Diguna Dan Disenggarakan

2.4.4.1. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, memanjangkan hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Lawatan Audit ke MDM pada 14 Januari 2015 dan 5 Februari 2015 mendapati perkara berikut:

a. Ruang Niaga KM2, Jalan Maran- Kuantan di MDM Kurang Sambutan Dari Peniaga

- i. Ruang Niaga KM2, Jalan Maran-Kuantan merupakan projek bernilai RM0.45 juta yang telah siap pada 30 November 2012. Ia adalah kedai 2 tingkat yang menempatkan sebanyak 10 unit kedai di tingkat atas dengan sewa RM100 sebulan. Manakala tingkat bawah pula menempatkan 3 gerai pelbagai. Objektif projek adalah untuk memberi kemudahan ruang niaga kepada peniaga.
- ii. Semakan Audit mendapati pada Februari 2013, seramai 9 peniaga telah ditawarkan lot kedai. Empat daripada mereka telah menolak tawaran tersebut dan 2 lot kedai telah ditarik balik oleh MDM. Sehingga Disember 2014, 3 unit kedai beroperasi manakala 7 unit lagi masih kosong dan jumlah tunggakan sewa adalah sejumlah RM1,300. Selain itu, dalam surat tawaran, MDM mengkehendaki premis dibuka setiap hari dan jika didapati dalam tempoh 7 hari ditutup tanpa kebenaran MDM, tindakan batal penyewaan boleh dikenakan terhadap penyewa. Lawatan Audit pada 14 Januari 2015 mendapati hanya sebuah unit kedai di tingkat atas sedang dibuka manakala yang lain tidak dibuka. Manakala tingkat bawah menempatkan Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Kemasyarakatan MDM serta galeri tokoh. Keadaan kedai yang tidak diguna seperti di **Gambar 2.12**.



Gambar 2.12
Ruang Niaga Yang Tidak Diguna

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Arked Taman Tasik Maran
Tarikh: 14 Januari 2015

iii. **Maklum balas MDM bertarikh 3 April 2015 menjelaskan, iklan tawaran sewaan 6 unit kedai telah dikeluarkan pada 2 Mac 2015 dan ditutup pada 20 Mac 2015. Seramai 3 peniaga sahaja yang berminat dengan tawaran tersebut. Pihak Majlis sedang dalam proses untuk menemu duga peniaga berkenaan.**

b. Pasar Borong Bandar Tun Abdul Razak Jengka - Pondok Pengawal Tidak Diguna Dan Disenggarakan

Pasar Borong Bandar Tun Abdul Razak Jengka merupakan projek naik taraf pasar besar bernilai RM0.40 juta yang telah siap pada 31 Oktober 2012. Objektif projek adalah untuk memberikan kawasan niaga yang lebih selesa dan teratur kepada peniaga. Antara kerja menaik taraf yang dilaksanakan ialah membina dan menyiapkan bangunan pasar sayur, 4 unit gerai makan dan pondok pengawal. Lawatan Audit mendapati pondok pengawal sedia ada terbiar dan tidak digunakan seperti di **Gambar 2.13. Maklum balas MDM bertarikh 3 April 2015 menjelaskan, kerja-kerja pembersihan telah dibuat dan pondok pengawal telah digunakan sepenuhnya seperti di Gambar 2.14.**

Gambar 2.13
Keadaan Dalam Pondok Pengawal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Borong Bandar Tun Abdul Razak,
Jengka, Maran
Tarikh: 14 Januari 2015

Gambar 2.14
Pondok Pengawal Telah Dibersihkan



Sumber: Majlis Daerah Maran
Lokasi: Pasar Borong Bandar Tun Abdul Razak,
Jengka, Maran
Tarikh: 3 April 2015

2.4.4.2. Ruang niaga yang tidak diguna adalah disebabkan kurangnya sambutan daripada orang awam untuk menyewa lot kedai tersebut. Manakala pondok pengawal di pasar borong tidak diguna disebabkan pegawai keselamatan belum dilantik. Kelewatan penyewaan premis menyebabkan pihak PBT tidak memperoleh hasil sewaan dan terpaksa menanggung kos penyenggaraan dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, penggunaan ruang niaga dan pondok pengawal adalah kurang memuaskan kerana terdapat unit kedai yang masih kosong dan pondok pengawal terbiar dan tidak disenggara.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan Majlis dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mendapat *value for money*, adalah disyorkan Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Maran dan Majlis Daerah Lipis mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1. Memastikan proses perolehan sentiasa dibuat dengan teratur dan mematuhi prinsip perolehan kerajaan.

2.5.2. Memastikan tempoh lanjutan masa yang diluluskan adalah munasabah dengan alasan yang diberikan oleh kontraktor supaya tempoh penyiapan projek adalah dipatuhi.

IKIP EDUCATION SDN. BHD.

3. IKIP TRAINING SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. IKIP Training Sdn. Bhd. (IKIP Training) ditubuhkan dan memulakan operasinya pada tahun 1998. IKIP Training merupakan syarikat subsidiari milik penuh IKIP Education Sdn. Bhd. (IKIP Education) dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM2 juta. IKIP Education pula merupakan syarikat milik penuh Yayasan Pahang (Yayasan).

3.1.2. Objektif penubuhan IKIP Training adalah menjalankan perniagaan dalam bidang pendidikan serta menyediakan pusat kemahiran, tenaga pengajar dan kemudahan kepada pelatih. Sehubungan itu, IKIP Training menubuhkan IKIP Advanced Skills Centre (IASC) yang menawarkan pelbagai kursus peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) berdasarkan keperluan industri di bawah persijilan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

3.1.3. IKIP Training diterajui oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh salah seorang Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan. Pengurusan IKIP Training diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 137 orang kakitangan. IKIP Training mengendalikan latihan kemahiran di 2 buah kampus iaitu Kampus Utama di Kuantan dan Kampus Cawangan di Bentong yang kemudiannya berpindah ke Karak pada tahun 2014. IKIP Training adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan, serta Surat Arahan Pentadbiran berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan IKIP Training adalah memuaskan serta pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kewangan, aktiviti utama serta tadbir urus korporat bagi tempoh 2012 hingga 2014. Analisis prestasi kewangan pula dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 hingga 2013. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai selain pemeriksaan terhadap aset, aktiviti dan kemudahan yang

disediakan. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar telah diadakan pada 15 April 2015 yang turut dihadiri oleh 2 orang pegawai IKIP Training.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2014 hingga Mac 2015 mendapati prestasi kewangan IKIP Training tidak memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2011 dan 2012 serta kerugian terkumpul yang tinggi iaitu RM8.42 juta pada tahun 2013. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat pula adalah memuaskan dengan pengambilan pelatih melebihi 85% daripada sasaran dan kebolehpasaran pelatih selepas pengajian mencapai 74.2% daripada sasaran. Namun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Program yang belum mendapat pentauliahan telah diiklankan.
- Pengurusan aset di Kampus Cawangan kurang memuaskan.

3.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan IKIP Training, analisis trend dan analisis nisbah telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis adalah seperti berikut:

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Trend keuntungan IKIP Training meningkat bagi tempoh 2011 hingga 2013 dengan penurunan kerugian sebelum cukai berjumlah RM1.43 juta (49.3%) daripada RM2.90 juta pada tahun 2011 kepada RM1.47 juta pada tahun 2012. Seterusnya pada tahun 2013, IKIP Training memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.29 juta. Bagaimanapun, IKIP Training mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM8.42 juta pada tahun 2013 dengan peningkatan sebanyak 20.3% pada tahun 2012 dan menurun semula sebanyak 3.3% pada tahun 2013.
- b. Pendapatan IKIP Training antaranya terdiri daripada yuran pengajian, pendapatan perniagaan dan geran kerajaan. Pendapatan meningkat sejumlah RM1.08 juta (13.2%) dan RM3.28 juta (35.5%) daripada RM8.17 juta pada tahun 2011 kepada RM9.25 juta dan RM12.53 juta masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Faktor peningkatan pendapatan ialah pertambahan pelatih terutamanya bagi bidang pelancongan dan perhotelan berjumlah RM0.40 juta dan RM0.81 juta masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Selain itu, penambahan pendapatan berjumlah RM0.38 juta pada tahun 2013 daripada perniagaan katering turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan IKIP Training.
- c. Perbelanjaan IKIP Training terdiri daripada perbelanjaan operasi, perbelanjaan am dan pentadbiran serta kos kewangan. Pada tahun 2012, perbelanjaan telah menurun sejumlah RM0.35 juta (3.2%) kepada RM10.72 juta berbanding tahun sebelumnya

tetapi meningkat sejumlah RM1.52 juta (14.2%) kepada RM12.24 juta pada tahun 2013. Faktor peningkatan perbelanjaan pada tahun 2013 ialah pertambahan perbelanjaan operasi terutamanya pembelian bahan pembelajaran.


- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian IKIP Training bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.1**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian IKIP Training
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan	6.92	8.17	10.99
(-) Perbelanjaan Operasi	5.06	4.45	6.23
Keuntungan Kasar	1.86	3.72	4.76
(+) Pendapatan Lain	1.25	1.08	1.54
(-) Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	4.70	4.77	4.27
(-) Perbelanjaan Operasi Lain	1.28	1.48	1.73
(-) Kos Kewangan	0.03	0.02	0.01
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	-2.90	-1.47	0.29
Cukai	-	-	-
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	-2.90	-1.47	0.29
Kerugian Terkumpul	-7.24	-8.71	-8.42


Sumber: Penyata Kewangan IKIP Training

Carta 3.1
Trend Keuntungan/Kerugian IKIP Training
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Rekod Kewangan IKIP Training

Carta 3.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan IKIP Training
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Rekod Kewangan IKIP Training

3.4.1.2. Analisis Nisbah

Analisis nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan ke atas aset dan pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Kewangan IKIP Training
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	0.36:1	0.34:1	0.31:1
Margin Untung Bersih	-41.9%	-18.0%	2.5%
Pulangan Ke Atas Aset	-0.42	-0.19	0.04
Pulangan Ke Atas Ekuiti *	-1.45	-0.74	0.14

Sumber: Penyata Kewangan IKIP Training

Nota: * - Modal saham sahaja diambil kira bagi jumlah ekuiti kerana kerugian terkumpul yang dialami melebihi modal berbayar

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang dalam jangka pendek. Semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat dan nisbah pada kadar 2:1 ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati kadar kecairan IKIP Training menurun bagi tempoh 2011 hingga 2013 daripada 0.36:1 pada tahun 2011 kepada 0.34:1 dan 0.31:1 masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Hal ini menunjukkan kedudukan nisbah semasa IKIP Training kurang memuaskan.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur kadar keuntungan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati IKIP Training mengalami kerugian bagi setiap hasil yang dipungut pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing sejumlah 41.9 sen dan 18 sen. Pada tahun 2013 pula, IKIP Training memperoleh keuntungan sejumlah 2.5 sen bagi setiap hasil yang dipungut. Bagaimanapun kedudukan margin untung bersih IKIP Training kurang memuaskan.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan ke atas aset digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh

menunjukkan semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati IKIP Training mengalami kerugian bagi setiap ringgit aset yang digunakan pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing sejumlah 42 sen dan 19 sen. Pada tahun 2013 pula, IKIP Training memperoleh keuntungan sejumlah 4 sen bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Bagaimanapun kedudukan pulangan ke atas aset IKIP Training kurang memuaskan.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan ke atas ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang dilaburkan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh menunjukkan semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Pengiraan Audit hanya mengambil kira modal saham sahaja bagi jumlah ekuiti kerana kerugian terkumpul yang dialami oleh IKIP Training bagi tempoh 2011 hingga 2013 melebihi modal berbayar. Analisis Audit mendapati IKIP Training mengalami kerugian bagi setiap ringgit ekuiti yang dilaburkan iaitu sejumlah 145 sen dan 74 sen masing-masing pada tahun 2011 dan 2012. Hal ini menunjukkan kedudukan pulangan ke atas ekuiti IKIP Training kurang memuaskan.

- e. Maklum balas daripada IKIP Training bertarikh 13 April 2015 menjelaskan, liabiliti semasa IKIP Training merupakan pendahuluan geran operasi daripada Yayasan melalui IKIP Education kepada IKIP Training berjumlah RM2.75 juta. Pendahuluan ini akan dijadikan sebagai modal berbayar bagi mengurangkan liabiliti IKIP Training. Bagaimanapun, perkara ini masih menunggu keputusan daripada Yayasan bagi keseluruhan Kumpulan IKIP.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan IKIP Training bagi tempoh 2011 hingga 2013 tidak memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2011 dan 2012 serta kerugian terkumpul yang tinggi. Selain itu, nisbah kewangan IKIP Training turut menunjukkan kedudukan kurang memuaskan.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

IKIP Training melalui IASC menjalankan aktiviti dengan menawarkan kursus kemahiran kepada individu yang berminat dan berumur 16 tahun ke atas. Selain itu, IKIP Training turut menjalankan aktiviti perniagaan bagi menambahkan pendapatan selain sebagai medium pendedahan awal pelatih IASC kepada persekitaran sebenar pekerjaan. Pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama IKIP Training mendapati perkara seperti berikut:

3.4.2.1. Penarafan Program Bertauliah

Selaras dengan Akta 652, JPK telah menjalankan pemeriksaan terhadap IASC dan memberi penarafan program bertauliah pada tahun 2011 dan 2013. Pada tahun 2013, 24 buah pusat bertauliah telah diberikan penarafan baik, sangat baik dan cemerlang iaitu

antara 3 hingga 5 bintang bagi 138 program. IASC telah memperoleh penarafan baik bagi 4 program, sangat baik bagi 12 program dan cemerlang bagi 2 program pada tahun 2013. IASC telah menunjukkan peningkatan dengan memperoleh 5 bintang (cemerlang) bagi 2 program iaitu Penyedia Makanan dan Penyelia/Ketua Seksyen Penyediaan Makanan berbanding tahun 2011. Butiran penarafan bagi tahun 2011 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Penarafan Program Bertauliah Di IASC Bagi Tahun 2011 Dan 2013

Bil.	Program	Penarafan Bintang	
		2011	2013
1.	Eksekutif Sistem Komputer (IT-020-5)	4	4
2.	Juruteknik Elektrik Kanan (C-051-3)	4	4
3.	Juruteknik Sistem Komputer (IT-020-3)	4	4
4.	Ketua Penyedia Roti (L-100-3)	4	4
5.	Pegawai Latihan Vokasional (I-031-3)	3	3
6.	Pembantu Eksekutif Sistem Komputer (IT-020-4)	4	4
7.	Pembantu Juruteknik Sistem Komputer (IT-020-2)	4	4
8.	Pembantu Penyedia Makanan (L-041-1)	4	4
9.	Pembantu Penyedia Roti (L-100-1)	4	4
10.	Pembuat Pakaian Wanita Kanan (K-012-2)	4	4
11.	Pembuat Pakaian Wanita (K-012-1)	4	4
12.	Penyedia Makanan (L-041-2)	4	5
13.	Penyedia Roti (L-100-2)	4	4
14.	Penyelia Pembuat Pakaian Wanita (K-012-3)	4	4
15.	Penyelia/Ketua Seksyen Penyediaan Makanan (L-041-3)	4	5
16.	Juruteknik Automotif (P-119-1)	3	3
17.	Juruteknik Kanan Kenderaan Motor (TP-300-3)	3	3
18.	Juruteknik Kenderaan Motor (TP-300-2)	3	3

Sumber: IKIP Training

Nota Penarafan Bintang:

i. 3 - Baik

ii. 4 - Sangat Baik

iii. 5 - Cemerlang

3.4.2.2. Program Latihan

a. Penawaran Program

- i. IASC menawarkan sebanyak 16 kursus dengan 35 program berdasarkan tahap pada tahun 2014 dalam 5 bidang kemahiran iaitu Pelancongan dan Perhotelan, Pengurusan dan Perniagaan, Industri Kreatif dan Warisan, Agro-Bioteknologi serta Teknologi dan Kejuruteraan seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Kursus Dan Program Di IASC

Bil.	Bidang	Kursus	Program (Tahap)
1.	Pelancongan dan Perhotelan	Penyediaan Makanan	1 hingga 5
		Bakeri	1 hingga 3
		Operasi Servis Makanan dan Minuman	2 dan 3
2.	Pengurusan dan Perniagaan	Sistem Komputer	3 hingga 5
		Pengurusan Pejabat	2 hingga 4
3.	Industri Kreatif dan Warisan	Tekstil dan Pakaian	1 hingga 3
		Juru batik	3
		Multimedia dan Animasi	2
		Produksi Filem	2
4.	Agro-Bioteknologi	Perladangan (Kelapa Sawit)	1 hingga 3
		Penanaman	1
		<i>Tissue Culture</i>	2
5.	Teknologi dan Kejuruteraan	Elektrik	2 dan 3
		Mekanik Kenderaan Motor	1 hingga 4
		Kimpalan	3
		Penyaman Udara	2

Sumber: IKIP Training

- ii. Seksyen 23, Akta 652 menyatakan penyedia latihan kemahiran hendaklah memohon kelulusan pentauliahan program yang ditawarkan kepada Ketua Pengarah JPK. Penyedia latihan dikenakan bayaran fi sejumlah RM1,500 bagi permohonan pentauliahan program baharu serta sejumlah RM200 untuk setiap tahap pengajian bagi permohonan pentauliahan program tambahan dan pembaharuan pentauliahan program. Semakan Audit mendapati kesemua program yang ditawarkan di IASC telah mendapat kelulusan pentauliahan program daripada JPK bagi tempoh 3 tahun. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati program Mekanik Kenderaan Motor Tahap 2 masih dijalankan walaupun tempoh pentauliahan telah tamat pada 31 Julai 2014. **Maklum balas daripada IKIP Training bertarikh 13 April 2015 menjelaskan, pembaharuan lesen pentauliahan program Mekanik Kenderaan Motor Tahap 2 telah diterima pada 1 April 2015.**
- iii. Seksyen 53, Akta 652 juga menyatakan bahawa program latihan yang belum mendapat pentauliahan tidak boleh dipromosikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya. Pihak Audit mendapati iklan pengambilan pelatih bagi sesi Januari 2015 yang dikeluarkan dalam surat khabar Sinar Harian Edisi Pahang pada 27 Januari 2015 telah menawarkan sebanyak 5 program bagi 4 kursus yang belum mendapat pentauliahan daripada JPK seperti di **Jadual 3.5**. **Maklum balas daripada IKIP Training bertarikh 13 April 2015 menjelaskan, pentauliahan program tersebut dijangkakan pada sesi Januari 2015 namun terdapat beberapa kesulitan iaitu *Written Instructional Materials (WIM)* tidak lengkap, pegawai yang tidak mencukupi untuk didaftarkan dan peruntukan untuk kemudahan bagi kenaikan tahap belum diterima. Bagaimanapun, tiada pengambilan pelatih dilakukan pada sesi berkenaan.**

Jadual 3.5
Program Tanpa Pentauliahan Yang Diiklankan

Bil.	Kursus	Program (Tahap)
1.	Multimedia dan Animasi	3
2.	Produksi Filem	3
3.	<i>Tissue Culture</i>	3
4.	Penanaman	2
		3

Sumber: IKIP Training

b. Prestasi Pengambilan Pelatih

- i. Pengambilan pelatih IASC dibuat pada bulan Januari dan Julai setiap tahun bermula dengan pengeluaran iklan diikuti dengan borang permohonan dan surat tawaran. Analisis Audit mendapati pencapaian pengambilan pelatih telah meningkat setiap tahun bagi tempoh 2012 hingga 2014. Bilangan pelatih telah meningkat seramai 332 orang (26.3%) dan 225 orang (14.1%) masing-masing pada tahun 2013 dan 2014. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pencapaian pengambilan pelatih bagi tempoh tersebut tidak mencapai sasaran yang ditetapkan seperti di **Jadual 3.6. Maklum balas daripada IKIP Training bertarikh 13 April 2015 menjelaskan, sasaran pengambilan pelatih ditentukan semasa proses penyediaan bajet tahunan mengambil kira program baharu dan program yang dijangka akan ditawarkan pada tahun berikutnya. Proses bagi menjalankan program baharu memerlukan perbelanjaan modal yang besar terutamanya bagi menyediakan kemudahan yang lengkap dan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Yayasan bagi suntikan geran modal.**

Jadual 3.6
Bilangan Pelatih Mengikut Bidang Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Bidang	Bilangan Pelatih (Orang)								
		2012			2013			2014		
		Sasar	Capai	(%)	Sasar	Capai	(%)	Sasar	Capai	(%)
1.	Pelancongan dan Perhotelan	548	595	108.6	746	695	93.2	709	756	106.6
2.	Pengurusan dan Perniagaan	239	210	87.9	361	261	72.3	372	262	70.4
3.	Industri Kreatif dan Warisan	85	58	68.2	145	87	60.0	158	88	55.7
4.	Agro-Bioteknologi	94	118	125.5	154	126	81.8	154	149	96.8
5.	Teknologi dan Kejuruteraan	372	283	76.1	449	427	95.1	644	566	87.9
Jumlah		1,338	1,264	94.5	1,855	1,596	86.0	2,037	1,821	89.4

Sumber: IKIP Training

- ii. Analisis Audit mendapati kursus yang mempunyai bilangan pelatih tertinggi pada tahun 2014 adalah Penyediaan Makanan iaitu seramai 631 orang atau 34.7% manakala kursus Penyaman Udara paling kurang mendapat sambutan iaitu seramai 14 orang atau 0.8% daripada jumlah keseluruhan pelatih seperti

di **Jadual 3.7**. Selanjutnya, pihak Audit mendapati pengambilan hanya dibuat bagi 10 kursus manakala tiada pengambilan bagi 6 kursus berikutan pentauliah program diperoleh selepas sesi pengambilan Julai 2014. **Maklum balas daripada IKIP Training bertarikh 13 April 2015 menjelaskan, kursus penyaman udara merupakan kursus baharu dan pengambilan pertama adalah pada sesi Julai 2014. Selain itu, kesukaran pelatih dari luar negeri Pahang untuk mendapatkan pembiayaan juga merupakan faktor kursus ini kurang mendapat sambutan.**

Jadual 3.7
Bilangan Pelatih Mengikut Kursus Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Bidang	Kursus	Bilangan Pelatih (Orang)		
			2012	2013	2014
1.	Pelancongan dan Perhotelan	Penyediaan Makanan	490	591	631
		Bakeri	105	104	125
2.	Pengurusan dan Perniagaan	Sistem Komputer	210	261	156
		Pengurusan Pejabat	-	-	106
3.	Industri Kreatif dan Warisan	Tekstil dan Pakaian	58	87	88
4.	Agro-Bioteknologi	Perladangan	118	126	149
5.	Teknologi dan Kejuruteraan	Elektrik	94	120	162
		Mekanik Kenderaan Motor	152	226	321
		Kimpalan	37	81	69
		Penyaman Udara	-	-	14
Jumlah			1,264	1,596	1,821

Sumber: IKIP Training

c. Prestasi Pencapaian Keterampilan Pelatih

- i. Seramai 1,748 orang pelatih menduduki peperiksaan bagi tempoh 2012 hingga 2014. Analisis Audit mendapati seramai 1,686 orang pelatih (96.5%) telah lulus sama ada terampil cemerlang atau terampil manakala seramai 62 orang pelatih (3.5%) telah gagal atau belum terampil.
- ii. Analisis Audit mendapati peratus pelatih yang lulus telah menurun daripada 99.0% pada tahun 2012 kepada 98.1% dan 94.4% masing-masing pada tahun 2013 dan 2014. Bagaimanapun peratus pelatih yang gagal telah meningkat daripada 1.0% pada tahun 2012 kepada 1.9% dan 5.6% masing-masing pada tahun 2013 dan 2014. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Prestasi Pencapaian Keterampilan Pelatih Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Tahun	Bilangan Pelatih (orang)	Lulus (orang)				Gagal (orang)	
		Terampil Cemerlang	Terampil	Jumlah	(%)	Belum Terampil	(%)
2012	298	21	274	295	99.0	3	1.0
2013	618	35	571	606	98.1	12	1.9
2014	832	27	758	785	94.4	47	5.6
Jumlah	1,748	83	1,603	1,686	96.5	62	3.5

Sumber: IKIP Training

d. Aktiviti Dan Kebolehpasaran Bekas Pelatih

- i. IASC telah menyertai dan menganjurkan pelbagai aktiviti bagi tempoh 2012 hingga 2014 bagi memberi pendedahan kepada pelatih serta melahirkan graduan yang cemerlang dan mempunyai tahap kemahiran yang tinggi di samping menjalin kerjasama dengan Negara Asia selain mempromosikan IASC. IASC telah menyertai 7 pertandingan kulinari anjuran Negara Asean seperti Indonesia, Singapura dan Filipina bagi tempoh 2012 hingga 2014 serta menganjurkan satu pertandingan IKIP Asia *Culinary Challenge* pada tahun 2013. Pelatih IASC yang menyertai turut memenangi pingat gangsa antaranya bagi pertandingan *Philippines Culinary Cup 2012* dan *Bali Salon Culinaire 2012*. Antara aktiviti yang disertai oleh pelatih adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1



Sumber: IKIP Training

Aktiviti Pelatih

Gambar 3.2



Sumber: IKIP Training

- ii. Selain itu, bagi memastikan *Key Performance Indicator (KPI)* IKIP Training di bawah *Key Result Area (KRA)*: Memperkasa Pembangunan Modal Insan tercapai, IASC telah menjalankan kajian kebolehpasaran terhadap bekas pelatih selepas 6 bulan tamat latihan. Seramai 120 orang responden daripada 244 orang bekas pelatih telah memberikan maklum balas terhadap soal selidik yang diedarkan semasa Majlis Pentauliahan Kemahiran Malaysia yang diadakan pada November 2014. Statistik kebolehpasaran menunjukkan seramai 63 orang (52.5%) telah berjaya memperoleh pekerjaan, 26 orang (21.7%) telah

melanjutkan pengajian serta 31 orang (25.8%) masih belum mendapat pekerjaan dan tidak menyambung pengajian selepas tamat latihan. Statistik terhadap bekas pelatih yang bekerja menunjukkan seramai 48 orang (76.2%) telah bekerja dalam bidang yang bersesuaian dengan kursus yang diambil dan seramai 15 orang (23.8%) lagi bekerja dalam bidang tidak berkaitan dengan kursus. IKIP Training telah menetapkan KPI sebanyak 85% sebagai sasaran pada tahun 2014. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati KPI yang ditetapkan masih belum dicapai kerana hanya memperoleh pencapaian kebolehpasaran bekas pelatih sebanyak 74.2%.

3.4.2.3. Pengurusan Kemudahan Dan Infrastruktur

IASC telah menyediakan pelbagai kemudahan dan kelengkapan seperti asrama, bilik teori, bengkel, dewan, makmal komputer, pusat sumber serta kemudahan sukan dan *WiFi*. Semakan lanjut terhadap kemudahan yang disediakan mendapati perkara seperti berikut:

a. Asrama

IASC menyediakan 78 unit asrama di 2 blok 4 tingkat bagi pelatih IASC Kampus Utama di Kuantan dengan kapasiti seramai 7 hingga 8 orang pelatih setiap unit. IASC Kampus Cawangan di Karak pula menyediakan 10 unit *dorm* di tingkat atas lot kedai dengan kapasiti maksimum seramai 32 orang pelatih setiap unit. Setiap unit asrama ini dilengkapi dengan katil 2 tingkat, tilam dan almari serta kemudahan bilik air. Selain itu, setiap unit asrama dipasang jeriji bagi tujuan keselamatan. Lawatan Audit mendapati keadaan asrama pelatih di IASC Kampus Utama adalah memuaskan manakala di Kampus Cawangan pula tidak kemas dan bersih. Selanjutnya, kedua-dua asrama di Kampus Utama dan Kampus Cawangan tidak dilengkapi dengan jeriji sepenuhnya. **Maklum balas daripada IKIP Training bertarikh 13 April 2015 menjelaskan, bagi meningkatkan aspek keselamatan, pihak IKIP Training telah mengambil tindakan dengan memasang jeriji pada semua tingkap di aras 1 dan 2 yang dijangka siap pada 24 April 2015 serta meletakkan amaran keselamatan di semua bilik sebagai peringatan di asrama Kampus Utama. Selain itu, pihak IKIP Training telah mengambil tindakan dengan membersihkan asrama dan memasang jeriji seperti saranan Bomba di asrama Kampus Cawangan.**

b. Lain-lain Kemudahan

IASC menyediakan pelbagai kemudahan seperti bengkel automotif, masakan dan fesyen serta makmal komputer dan pusat sumber. Selain itu, bilik teori, makmal komputer dan dewan yang dilengkapi dengan penyaman udara bagi kemudahan dan keselesaan tenaga pengajar dan pelatih turut disediakan. Lawatan Audit mendapati kemudahan yang disediakan berada dalam keadaan memuaskan seperti di **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.7**.

Gambar 3.3
Bengkel Automotif



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: IASC Kampus Cawangan di Karak
Tarikh: 21 Januari 2015

Gambar 3.4
Bengkel Masakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: IASC Kampus Utama di Kuantan
Tarikh: 27 Januari 2015

Gambar 3.5
Bengkel Fesyen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: IASC Kampus Utama di Kuantan
Tarikh: 27 Januari 2015

Gambar 3.6
Makmal Komputer



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: IASC Kampus Utama di Kuantan
Tarikh: 27 Januari 2015



Gambar 3.7
Pusat Sumber

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: IASC Kampus Utama di Kuantan
Tarikh: 27 Januari 2015

3.4.2.4. Tunggakan Yuran

- a. Tunggakan yuran IKIP Training pada tahun 2012 berjumlah RM9.10 juta menurun kepada RM2.86 juta pada tahun 2013. Hal ini berlaku kerana IKIP Training telah mengambil tindakan antaranya dengan mengeluarkan notis peringatan, menahan pengeluaran SKM kepada pelatih dan melantik agen kutipan hutang. Pada tahun

2014 pula, tunggakan yuran meningkat kepada RM6 juta disebabkan oleh peningkatan yang ketara daripada bidang Pelancongan dan Perhotelan serta Teknologi dan Kejuruteraan masing-masing sejumlah RM1.24 juta. Daripada RM2.86 juta tunggakan pada tahun 2013, sejumlah RM1.41 juta merupakan yuran tertunggak yang melebihi 3 tahun. Analisis Audit mendapati tunggakan yuran tertinggi adalah daripada bidang Pelancongan dan Perhotelan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Tunggakan Yuran Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Bidang	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	Pelancongan dan Perhotelan	5.16	1.40	2.64
2.	Pengurusan dan Perniagaan	1.82	0.45	0.84
3.	Industri Kreatif dan Warisan	0.91	0.13	0.20
4.	Agro-Bioteknologi	0.12	0.05	0.25
5.	Teknologi dan Kejuruteraan	1.09	0.83	2.07
Jumlah		9.10	2.86	6.00

Sumber: IKIP Training

- b. Pihak Audit mendapati, sehingga Disember 2013 sejumlah RM92,363 deposit telah diterima dan diakaunkan sebagai *unknown deposit*. Pihak Audit dimaklumkan bahawa deposit tersebut adalah bagi pembayaran yuran pelatih melalui Mesin Deposit Tunai. Bagaimanapun, deposit tersebut tidak dikreditkan ke akaun pelatih kerana pihak IKIP Training tidak dapat mengenal pasti pelatih yang membuat pembayaran. Selanjutnya Lembaga Pengarah IKIP Training telah memutuskan supaya jumlah deposit tersebut ditolak daripada peruntukan hutang ragu tahun 2013 berjumlah RM168,894 semasa Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 1/2014 bertarikh 3 Februari 2014. Selain itu, sejumlah RM0.99 juta wang lebihan pelatih gagal diserahkan kepada pelatih kerana pelatih memberhentikan pengajian tanpa notis dan tidak dapat dikesan. **Maklum balas daripada IKIP Training bertarikh 13 April 2015 menjelaskan, pihak IKIP Training telah menambah baik polisi pulangan yuran dengan menyerahkan wang lebihan pelatih kepada pembiaya sekiranya pelatih tidak mengisi borang berhenti atau membuat sebarang tuntutan dalam tempoh 3 bulan.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti IKIP Training adalah memuaskan. Bagaimanapun perkara berkaitan pentauliahan dan pengiklanan program hendaklah dipatuhi.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal selia syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai

objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat IKIP Training mendapati perkara seperti berikut:

3.4.3.1. Lembaga Pengarah

a. Keanggotaan Lembaga Pengarah

- i. Menurut amalan terbaik, Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian serta mendapat kelulusan Lembaga Syarikat Induk.
- ii. Semakan Audit mendapati keanggotaan Lembaga Pengarah IKIP Training seramai 5 orang telah mendapat kelulusan Yayasan dan menepati Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Pihak Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah gabungan daripada mereka yang mempunyai kelayakan dan pengalaman bagi menjadikan IKIP Training sebagai sebuah syarikat yang berdaya saing. Selain itu, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah menepati Seksyen 122 dan 129 Akta Syarikat 1965. Senarai Ahli Lembaga Pengarah IKIP Training adalah seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Ahli Lembaga Pengarah IKIP Training

Bil.	Nama	Umur (Tahun)	Jawatan	Pekerjaan
1.	YB Dato' Haji Ahmad Munawar Bin Haji Abdul Jalil	56	Pengerusi	Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pahang
2.	YB Prof. Dato' Dr. Mohamed Najib Bin Ahmad Dawa	60	Pengarah Urusan	Ahli Lembaga Pengarah IKIP Education
3.	YH Dato' Ti Lian Ker	52	Ahli	Ahli Lembaga Pengarah IKIP Education
4.	Encik Nor Hishamuddin Bin Yaacob	49	Ahli	Pengarah Urusan IKIP Education
5.	Puan Nor Liza Binti Abd. Mubin	48	Ahli	Pengurus Kewangan IKIP Education

Sumber: IKIP Training

b. Mesyuarat Lembaga Pengarah

- i. Menurut amalan terbaik, Lembaga Pengarah Syarikat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Mesyuarat tersebut antaranya bagi membincangkan laporan prestasi dan kedudukan kewangan syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah IKIP Training telah bermesyuarat secara berkala sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Pihak Audit mendapati laporan prestasi dan analisis kewangan telah dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah IKIP Training dan laporan tersebut juga telah dibentangkan

ke Lembaga Pengarah IKIP Education. Selain itu, minit mesyuarat telah disediakan dan difaillkan dengan teratur serta keputusan mesyuarat telah dipantau dengan baik.

c. Manfaat Lembaga Pengarah

- i. Bahagian 1B Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia menyatakan antaranya manfaat yang diberi mestilah berkaitan sesuatu perkara yang ada hubungan dengan urusan syarikat, prestasi dan pencapaian dalam syarikat serta peringkat pengalaman dan tanggungjawab seseorang pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati manfaat yang diterima oleh Lembaga Pengarah IKIP Training adalah yuran pengarah, elaun mesyuarat dan elaun pengarah urusan. Yuran pengarah bagi pengerusi dan lain-lain pengarah masing-masing adalah sejumlah RM600 dan RM400 sebulan. Manakala elaun mesyuarat pula adalah sejumlah RM750 bagi pengerusi dan RM500 bagi lain-lain pengarah. Pengarah Urusan pula menerima elaun sejumlah RM400 sebulan.

3.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

- a. Menurut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam hendaklah ditubuhkan bagi meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan serta menjaga kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama. Pengurus Audit Dalam Syarikat Induk hendaklah menjadi Setiausaha bagi jawatankuasa serta mempunyai kelulusan dan pengalaman yang berkaitan selain menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia.
- b. Semakan Audit mendapati IKIP Training tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati Unit Audit Dalam IKIP Education telah menjalankan pemeriksaan Audit yang meliputi 2 bahagian iaitu akademik dan bukan akademik pada tahun 2012 dan 2013. Pihak Audit dimaklumkan hasil laporan tersebut telah dibentangkan di peringkat IKIP Education.

3.4.3.3. Rancangan Korporat Dan *Key Performance Indicator*

- a. Syarikat Kerajaan dikehendaki menyediakan atau mengemas kini rancangan korporat dan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat dalam mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang serta meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan ke atas pengurusan syarikat. Rancangan dan KPI tersebut hendaklah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat.

- b. Semakan Audit mendapati IKIP Training mempunyai Rancangan Transformasi Kumpulan IKIP 2014 – 2016 yang menggariskan 5 teras utama iaitu program akademik, sumber manusia, aktiviti pelajar, tadbir urus dan kewangan. Manakala KPI IKIP Training menggariskan 7 *Key Result Area* (KRA) seperti berikut:
 - i. Memperkasa pembangunan modal insan
 - ii. Menaiktaraf kemudahan prasarana bagi meningkatkan imej kolej
 - iii. Meningkatkan pendapatan dan mengukuhkan kedudukan kewangan
 - iv. Memantapkan program sedia ada
 - v. Memantapkan promosi dan pemasaran
 - vi. Meningkatkan hubungan dengan pihak luar
 - vii. Memperluas peluang perniagaan bercirikan Halal

3.4.3.4. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis panduan dan prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepatkan operasi juga mempertingkatkan produktiviti syarikat. Garis panduan dan prosedur yang disediakan perlu lengkap dan kemas kini kerana ia merupakan dokumen yang menerangkan secara jelas mengenai operasi, kawalan dalaman, peraturan dan hubungan kerja antara pegawai dan bahagian. Semakan Audit mendapati IKIP Training telah menyediakan garis panduan dan prosedur kerja berkaitan kewangan serta aktiviti dan pengurusan syarikat sebagai rujukan.

3.4.3.5. Pembayaran Bonus

- a. Menurut amalan terbaik, bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan syarikat boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai yang munasabah. Cadangan bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar/Ketua Menteri. Selain itu, pembayaran bonus bagi pegawai eksekutif termasuk Ketua Eksekutif seharusnya tidak melebihi 2 bulan gaji. Walau bagaimanapun, sekiranya ramai pegawai dan kakitangan menunjukkan prestasi cemerlang atau secara keseluruhannya syarikat memperoleh keuntungan cemerlang, bayaran bonus melebihi 2 bulan boleh dipertimbangkan.
- b. Semakan Audit mendapati IKIP Training telah membuat pembayaran bonus sebanyak 5 kali berjumlah RM1.30 juta bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pembayaran ini melibatkan bonus interim sebanyak ½ bulan gaji pada tahun 2012 dan 1 bulan gaji pada tahun 2013. Bonus tambahan pula dibayar berdasarkan prestasi sebanyak 3 bulan gaji pada tahun 2011 serta 1½ dan 1 bulan gaji masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Analisis Audit mendapati IKIP Training mengalami kerugian pada tahun 2011 dan 2012. Bagaimanapun, pembayaran bonus telah diberikan kepada

pegawai sebanyak 3 bulan gaji dan 2 bulan gaji masing-masing pada tahun 2011 dan 2012. Pihak Audit mendapati pembayaran bonus tersebut telah diluluskan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah IKIP Education bertarikh 22 Mac 2012, 3 April 2013 dan 19 Mac 2014.

3.4.3.6. Pengurusan Aset

- a. Pengurusan aset yang merangkumi perolehan, penggunaan, penyenggaraan, penyimpanan dan pelupusan hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan prosedur kewangan yang telah ditetapkan. Pengurusan aset yang baik adalah penting bagi menentukan aset yang diperolehi telah direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Semakan Audit mendapati IKIP Training telah menggunakan prosedur kewangan QPFN04 – *Coding, Tagging, Penyemakan & Pelupusan Aset* sebagai kawalan dalam pengurusan aset.
- b. IASC Kampus Cawangan yang berpindah daripada Bentong ke Karak pada tahun 2014 melibatkan pemindahan aset sehingga Disember 2013 berjumlah RM1.37 juta. Semakan Audit mendapati tiada senarai aset yang dipindahkan sama ada ke Kampus Cawangan di Karak atau Kampus Utama di Kuantan. Label pendaftaran aset di Kampus Cawangan berbeza dengan nombor pendaftaran aset di Senarai Aset Tetap yang dikemukakan serta terdapat aset yang tidak berlabel. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kewujudan fizikal aset tersebut. Selain itu, terdapat aset tidak ditandakan hak milik “IKIP Training Sdn. Bhd.”.
- c. Aset hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sesuai di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab bagi mengelakkan berlaku kerosakan atau kehilangan. Bagi aset yang menarik/bernilai tinggi hendaklah disimpan di tempat yang berasingan dan mempunyai kawalan keselamatan yang lebih ketat. Lawatan Audit mendapati kemudahan peralatan gim yang tidak digunakan, katil dan tilam tidak disimpan dengan baik dan teratur. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai IASC Kampus Cawangan bahawa peralatan gim tersebut dibawa semasa pemindahan Kampus Cawangan daripada Bentong ke Karak. Peralatan gim tersebut telah rosak dan akan dihantar ke IASC Kampus Utama untuk dibaiki namun tiada sebarang tindakan diambil sehingga tarikh lawatan Audit. Selain itu, bahan pembelajaran yang belum digunakan bagi kursus Penyaman Udara di Kampus Cawangan tidak disimpan di tempat yang sesuai dan selamat. Selanjutnya, terdapat aset ditempatkan di ruang terbuka di asrama Kampus Utama.
- d. **Maklum balas daripada IKIP Training bertarikh 13 April 2015 menjelaskan, IKIP Training telah mengambil tindakan dengan menubuhkan Unit Pengurusan Aset dan Perolehan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan rekod, pengagihan, penempatan, pemindahan, penggunaan, penyelenggaraan, pelupusan dan kehilangan aset.**

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat IKIP Training adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan aset daripada aspek pendaftaran, pemeriksaan, penyimpanan dan pelupusan wajar diberi penekanan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi IKIP Training, adalah disyorkan tindakan berikut diambil:

3.5.1. Memastikan setiap program latihan yang ditawarkan telah mendapat pentauliahan supaya dapat menarik lebih ramai penyertaan pelatih.

3.5.2. Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Syarikat dan Kerajaan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

5 Mei 2015



www.audit.gov.my

Jabatan Audit Negara Malaysia
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya